

BAB 3

ANALISIS PENYIMPANGAN BAHASA *TOK GURU*

3.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pembicaraan mencakup analisis dari segi tatabahasa, morfologi dan sintaksis, iaitu merangkumi aspek imbuhan, sendi nama, golongan kata, kata pemerian, kata bilangan, struktur D-M, darjah bandingan kata adjektif, dan penyimpangan sintaksis.

Data yang diperoleh merupakan penyimpangan bahasa yang telah diklasifikasikan berdasarkan bentuk penyimpangan yang berlaku menurut kekerapannya. Analisis yang dikemukakan dalam kajian ini terbatas pada bentuk atau struktur semata-mata. Kajian ini tidak melibatkan analisis yang berdasarkan aspek sosiobudaya, kemasyarakatan dan juga nilai yang menjadi norma dalam sesuatu komuniti bahasa.

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab 1 (1.6 : Kaedah Penyelidikan), sampel diperoleh daripada dua bab *Tok Guru*. Bab pertama ialah

bab 10, iaitu mulai halaman 92 hingga halaman 127. Bab kedua ialah bab 19 mulai halaman 227 hingga halaman 263.

3.2 BENTUK PENYIMPANGAN

Sejumlah 228 penyimpangan bahasa telah diperoleh daripada sumber data, dan daripada jumlah di atas, terdapat 9 pola atau jenis penyimpangan bahasa. Pola atau jenis penyimpangan bahasa itu adalah seperti yang berikut :

- a) Bentuk jamak
- b) Sendi nama
- c) Kata bilangan
- d) Kata pemerli
- e) Golongan kata
- f) Struktur D-M
- g) Darjah bandingan
- h) Morfologi/Pengimbuhan
- i) Penyimpangan sintaksis

Jadual 3.1 menunjukan 9 jenis penyimpangan bahasa yang dinyatakan di atas.

Bil.	Jenis Penyimpangan	Kekerapan	Peratus
1.	Bentuk Jamak	15	6.58
2.	Sendi Nama	55	24.12
3.	Kata Bilangan	8	3.51
4.	Kata Pemerl	14	6.14
5.	Golongan Kata	34	14.91
6.	Struktur D-M	1	0.44
7.	Morfologi (Imbuhan)	51	22.37
8.	Darjah Penghabisan KA	2	0.88
9.	Penyimpangan Sintaksis	48	21.05
	JUMLAH	228	100

3.3 POLA ATAU JENIS PENYIMPANGAN BAHASA dan KEKERAPANNYA

Dengan berpandukan jadual 3.1, dapat diperhatikan bahawa pola atau jenis penyimpangan bahasa yang mempunyai kekerapan yang tinggi dalam *Tok Guru*,

sementara itu terdapat juga pola atau jenis penyimpangan bahasa yang rendah kekerapannya.

3.4. PENYIMPANGAN MORFOLOGI ATAU IMBUHAN

Peranan imbuhan amat penting untuk mengayakan perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu. Pengimbuhan merupakan salah satu proses membentuk kata yang paling produktif. Sepatah kata dasar dapat berkembang menjadi beberapa perkataan baru apabila diimbuhkan dengan pelbagai bentuk imbuhan yang wajar dan yang sesuai mengikut hukum tatabahasa.

Proses pengimbuhan ialah proses yang menggandingkan atau meletakkan imbuhan tertentu pada kata dasar. Proses pengimbuhan ini akan melahirkan bentuk perkataan yang disebut kata terbitan.

Imbuhan terdiri daripada morfem terikat manakala kata dasar ialah bentuk morfem bebas yang dapat menerima imbuhan. Imbuhan ialah bentuk morfem yang tidak boleh hadir bersendirian dalam ayat, iaitu harus diimbuhkan pada bentuk yang lain yang merupakan kata dasar. Berdasarkan kedudukannya pada kata dasar, imbuhan dapat dibahagikan kepada empat jenis seperti yang berikut:

- (i) awalan, yang hadir sebelum kata dasar

- (ii) akhiran, yang hadir sesudah kata dasar
- (iii) apitan, yang hadir secara mengapit kata dasar, iaitu dua bahagian imbuhan hadir serentak di awal dan akhir kata dasar
- (iv) sisipan, yang hadir di celahan kata dasar ¹

Berdasarkan novel *Tok Guru*, penyimpangan dari segi imbuhan merupakan penyimpangan yang paling ketara. Di tengah-tengah perkataan yang sempurna imbuhan terdapat juga perkataan yang tidak diberi imbuhan atau tidak sempurna imbuhan atau salah proses pengimbuhan. Penghilangan imbuhan tertentu daripada kata, khususnya kata kerja merupakan suatu gejala umum dalam percakapan orang sehari-hari. Sebanyak 53 penyimpangan imbuhan yang diperoleh. Kesemua penyimpangan itu melibatkan penyimpangan awalan, akhiran dan apitan. Jadual 3.4 menunjukkan kekerapan dan peratus penyimpangan imbuhan dalam *TG*.

¹Nik Safiah Karim *et al.* 1997. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 69-70.

Jadual 3.4 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Imbuhan

<div>Novel</div> <div>Bentuk Penyimpangan</div>	Tok Guru	
	Kekerapan	Peratus
Awalan	36	70.59
Akhiran	1	1.96
Apitan	14	27.45
Sisipan	-	-
Jumlah	51	100%

Semua penyimpangan morfologi yang dapat dikesan adalah seperti yang berikut:

1. Aku memahami maksud Mami dan Mamak tapi aku sendiri *rasa* amat gembira kerana ternyata kedatangannya akan menggembirakan hati Mamak dan juga Mami. (b 10, h. 93.12)

Dalam ayat 1 di atas, penggunaan kata *rasa* yang berfungsi sebagai KK tidak sesuai digunakan. Kata *rasa* sebagai KK boleh menerima dua bentuk imbuhan, iaitu *me- + rasa = merasa* yang bermaksud mengalami rasa dengan lidah,

manakala *ber-* + *rasa* = *berasa* yang bermaksud *mengalami rasa di dalam hati*.²

Apabila *ber-* bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf *r*, dua *r* yang bergabung itu akan berubah, menjadi satu *r* melalui satu proses yang dikenali sebagai proses *peleburan fonem*.³ Oleh itu, imbuhan yang sesuai digunakan ialah *ber-* : menjadi *berasa*, seperti ayat di bawah.

1a. Aku memahami maksud Mami dan Mamak tapi aku sendiri *berasa* amat gembira kerana ternyata kedatangannya akan menggembirakan hati Mamak dan juga Mami.

2. Mamak *dapat* seorang janda sama seperti Rasul Allah juga yang banyak *kahwin* dengan janda. (b 10, h. 94.28)

KK *dapat* seharusnya diberi imbuhan *men-* untuk membentuk kata kerja transitif, iaitu *men-* + *dapat* = *mendapat*. Kata *kahwin* dalam ayat ini juga perlu diimbuhkan dengan imbuhan *ber-* untuk berfungsi sebagai KKTT.

2a. Mamak *mendapat* seorang janda sama seperti Rasul Allah juga yang banyak *berkahwin* dengan janda.

3. Mamak akan *buat* senarai yang panjang kelak. (b 10, h. 96.28)

² *Kamus Dewan*. 2000. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 1106.

³ *Ibid*. Hlm. 1105.

Menurut ragam ayat, jenis ayat yang digunakan ialah *ayat aktif*. Dengan itu, KK *buat* seharusnya diimbuhkan dengan imbuhan *mem-* yang berfungsi sebagai KKT, *mem- + buat = membuat*.

3a. Mamak akan *membuat* senarai yang panjang kelak.

4. Kami tidak *buang* kerusi dan meja itu. (b 10, h. 97.20)

Dalam ayat 4, penggunaan KK *buang* tidak sesuai digunakan. KK *buang* sepatutnya diberi imbuhan *mem-* yang berfungsi sebagai KKT. Dengan itu, *mem- + buang = membuang*.

4a. Kami tidak *membuang* kerusi dan meja itu.

5. ... tapi kerana Mirasa *guna* kata-kata ana. (b 10, h. 98.14)

Penggunaan kata *guna* tidak sesuai digunakan dalam ayat ini. Kata *guna* sebagai KK sepatutnya diberi imbuhan apitan *meng-...-kan*. Dengan itu, *meng- + guna + kan = menggunakan* yang berfungsi sebagai KKT.

5a. ... tapi kerana Mirasa *menggunakan* kata-kata ana.

6. Tentu Mami sudah *hafaz* ajaran Tok Guru fasal itu. (b 10, h.. 101.4)

Penggunaan kata *hafaz* yang berfungsi sebagai KK sepatutnya dikenai dengan imbuhan *meng-*. Kata *hafaz* tidak sesuai digunakan tanpa diletakkan imbuhan *meng-*. Dengan ini, *meng- + hafaz = menghafaz* yang tergolong dalam KKT.

6a. Tentu Mami sudah *menghafaz* ajaran Tok Guru fasal itu.

7. Aku nampak Mamak *renungi* wajah Rabiaturn bagaikan berada dalam kelupaan. (b 10, h. 109.5)

Kata *renungi* tidak sesuai digunakan dalam ayat ini. Kata itu sepatutnya menerima imbuhan *me-...-i* yang bermaksud memandang baik-baik, mengamati atau menatap. Kata *renung* juga tidak sesuai menerima imbuhan *me-...-kan* kerana merenungkan bermaksud *menjenguk untuk melihat*.⁴ Dengan ini, *me-...-i + renung = merenungi*

7a. Aku nampak Mamak *merenung* wajah Rabiaturn bagaikan berada dalam kelupaan.

8. Dan Mubarak akan *tanam* benih itu supaya akan tumbuhlah tunas, (b 10, h. 111.3)

Dalam ayat ini, kata *tanam* tidak sesuai digunakan. Kata *tanam* ialah KK. Berdasarkan binaannya, kata *tanam* ialah KKT. Oleh itu, kata *tanam* sepatutnya diberi imbuhan *me-*. *Me- + tanam = menanam*. Fonem pertama pada kata dasar, iaitu *t* akan lebur dan digantikan dengan fonem *n*. Proses ini dinamakan proses *peleburan fonem*.

⁴ *Ibid.* Hlm. 1130.

10a. Dan Mubarak akan *menanam* benih itu supaya akan tumbuhlah tunas,

11. ... Tok Guru dan Mamak *sembahyang* sunat awal Asar. (b 10, h. 112.15)

Menurut konteks ayat, kata *sembahyang* tidak sesuai digunakan kerana kata *sembahyang* ialah KN sedangkan dalam ayat ini, kata *sembahyang* berfungsi sebagai KK. Oleh itu, kata *sembahyang* sepatutnya diimbuh dengan awalan *ber-*.
Ber- + sembahyang = bersembahyang.

10a. ... Tok Guru dan Mamak *bersembahyang* sunat awal Asar.

10. Dan bila Tok Guru *angkat* takbir, (b 10, h. 112.28)

Dalam ayat 10, kata *angkat* tidak sesuai digunakan. Kata *angkat* sebagai KK perlu dikenai imbuhan *meng-* untuk membentuk KKT. Dengan itu, *meng- + angkat = mengangkat.*

10a. Dan bila Tok Guru *mengangkat* takbir,

11. Tapi bila Mamak *pasang* ketayap merah saga dengan serban hijau (b 10, h. 116.17)

Dalam ayat 11, kata *pasang* ialah KK. Menurut konteks ayat, kata *pasang* berfungsi sebagai KKT. Oleh itu, kata *pasang* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan *me-*. *Me- + pasang = memasang.* Fonem pertama pada kata dasar, iaitu fonem *p* digugurkan dan digantikan dengan fonem *m*.

11a. Tapi bila Mamak *memasang* ketayap merah saga dengan serban hijau

12. Mengikut Mamak, rumah kami itu akan *diperluaskan* atas bawah ; terutama jumlah biliknya (b 10, h. 117.15)

Dalam ayat 12, kata *diperluaskan* menerima imbuhan yang tidak tepat. Menurut hukum tatabahasa, awalan diper- dapat bergabung dengan kata dasar yang terdiri daripada KA membentuk KK yang membawa makna dijadikan lebih atau bertambah.⁵ Dengan itu, *diper- + luas = diperluas*.

12a. Mengikut Mamak, rumah kami itu akan *diperluas* atas bawah ; terutama jumlah biliknya

13. ... nampaknya asyik tertumpu ke bab *kelaminan* saja. (b 10, h. 117.20)

Kata *kelaminan* tidak sesuai digunakan dalam ayat 13. Sebenarnya tiada imbuhan -an untuk kata *kelamin*. Kata *kelaminan* sepatutnya diimbuh dengan imbuhan *per-...-an*. untuk menjadi kata adjektif yang mendukung maksud *perihal berkelamin*. *Per- + kelamin + -an = perkelaminan*.

13a. ... nampaknya asyik tertumpu ke bab *perkelaminan* saja.

14. Itulah sebabnya Islam membolehkan lelaki *kahwin* empat. (b 10, h. 118.19)

⁵ Nik Safiah Karim et al. *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 174-175.

Dalam ayat 14, KK *kahwin* tidak tepat penggunaannya. KK itu sepatutnya diberi imbuhan *ber-* untuk berfungsi sebagai KKT tanpa pelengkap.

14a. Itulah sebabnya Islam membolehkan lelaki *berkahwin* empat.

15. Dia hanya *jaga* suami saja. (b 10, h. 118.25)

Dalam ayat ini, kata *jaga* tidak sesuai digunakan. KK *jaga* sepatutnya dikenai imbuhan *men-* untuk membentuk KKT. Dengan itu, *men- + jaga = menjaga*.

15a. Dia hanya *menjaga* suami saja.

16. Tapi kata Tok Guru lagi, di samping kerja *tundukkan* nafsu suami serentak dengan itu seronok juga (b 10, h. 118.26)

Kata *tundukkan* menerima imbuhan yang tidak sesuai dalam ayat di atas. Untuk berfungsi sebagai KKT, kata *tunduk* sepatutnya dikenai imbuhan *me-...-kan*. Oleh sebab fonem pertama pada kata dasar ialah fonem *t*, maka fonem *t* dileburkan dan digantikan dengan fonem *n* melalui proses peleburan fonem. Dengan itu, *me-... + tunduk + -kan = menundukkan* yang bermaksud *mengalahkan hingga menyerah, menaklukkan atau menewaskan (lawan dalam permainan)*.⁶

⁶ *Ibid.* Hlm. 1491.

16a. Tapi kata Tok Guru lagi, di samping kerja *menundukkan* nafsu suami serentak dengan itu seronok juga

17. Aku *minta* Mamaknya datang ke rumah bercakap dengan Mamak dan Mamiku (b 10, h. 120.7)

Dalam ayat 17, kata *minta* seharusnya diimbuhkan dengan imbuhan *me-* . untuk berfungsi sebagai KKT. Dengan itu, *me-* + *minta* = *meminta* yang bermaksud *memohon sesuatu*.

17a. Aku *meminta* Mamaknya datang ke rumah bercakap dengan Mamak dan Mamiku ...

18. Jawapan tidak juga *diperolehi* kerana dalam kegelapan itu hanya terpampang wajah Mubarak saja (b 10, h. 127.1)

Menurut *Kamus Dewan*, kata *diperolehi* tidak wujud dalam kosa kata bahasa Melayu. Kata *diperolehi* sepatutnya hanya menerima imbuhan *diper-* yang bermaksud *mendapat* atau *menerima*.⁷ Dengan itu, *diper-* + *oleh* = *diperoleh*.

18a. Jawapan tidak juga *diperoleh* kerana dalam kegelapan itu hanya terpampang wajah Mubarak saja

⁷ *Ibid.* Hlm. 942.

19. Kalau Mami terus berkeras dan Mami pun terus *ikut* Mamak, aku akan lari juga. (b 19, h. 227.3)

Dalam ayat 19, kata *ikut* tidak sesuai digunakan. Kata *ikut*, berdasarkan konteks ayat sepatutnya menerima imbuhan *meng-...-i* yang membawa maksud *turut bersama*. Dengan itu, *meng- + ikut + -i = mengikuti*. Walau bagaimanapun, imbuhan *meng- + ikut* tidak sesuai dalam ayat ini kerana kata *mengikut* bermaksud *menemani*.

19a. Kalau Mami terus berkeras dan Mami pun terus *mengikuti* Mamak, aku akan lari juga.

20. Biar aku tidak usah *tadah* kitab pada malam-malam Jumaat. (b 19, h. 228.4)

Kata *tadah* dalam ayat ini tidak sesuai digunakan. Kata *tadah* ialah KK yang sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan *me-*, iaitu *me- + tadah = menadah* yang membawa maksud mengangkat dan menelentangkan. Proses peleburan fonem menyebabkan fonem *t* pada KD digugurkan dan berubah menjadi fonem *n*.

20a. Biar aku tidak usah *menadah* kitab pada malam-malam Jumaat.

21. Aku akan *tunggu* sampai pukul lapan pagi sehingga KOMTAR dibuka. (b 19, h. 228.11)

Dalam ayat 21, kata *tunggu* ialah KK yang tidak sesuai digunakan. Kata itu sepatutnya menerima imbuhan *me-* yang bermaksud *menanti*. Fonem pertama pada KD, iaitu *t* digugurkan dan digantikan dengan fonem *n*.

21a. Aku akan *menunggu* sampai pukul lapan pagi sehingga KOMTAR dibuka.

22. ... dan hendak *pugar* tanah baru dan *tanam* benih saja. (b 19, h. 228.31)

Dalam ayat 22, kata *pugar* yang berfungsi sebagai KK tidak sesuai digunakan. Kata itu sepatutnya menerima imbuhan *me-* bagi membentuk KKT. Dengan itu, *me- + pugar = memugar*. Proses peleburan fonem menyebabkan *p* berubah menjadi *m*.

22a. ... dan hendak *memugar* tanah baru dan *menanam* benih saja.

23. Kalau aku boleh *lanjutkan* pelajaran hingga ke Tingkatan Enam, (b 19, h. 229.31)

Kata *lanjutkan* tidak betul penggunaannya. Kata itu sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan *me-* untuk menjadi KKT yang bermaksud *menambah lagi* (*pelajaran*), *menyambung* atau *meneruskan*.⁸ Dengan itu, *me- + lanjutkan = melanjutkan*.

23a. Kalau aku boleh *melanjutkan* pelajaran hingga ke Tingkatan Enam,

⁸ *Ibid.* Hlm. 763.

24. Kalau boleh biar ribut yang datang dan *tumbangkan* pokok jambu batu ini.
(b 19, h. 230.17)

Dalam ayat 24, kata *tumbangkan* tidak sesuai digunakan. Kata itu sepatutnya dikenakan imbuhan *me-* agar berfungsi sebagai KKT yang membawa maksud *menjadikan tumbang, meruntuhkan atau merobohkan*.⁹ Oleh itu, *me- + tumbangkan = menumbangkan*. Peleburan fonem menyebabkan *t = n*.

24a. Kalau boleh biar ribut yang datang dan *menumbangkan* pokok jambu batu ini.

25. Biar aku satu-satunya anak Mamak yang *derhaka* kepada ibu bapa kerana ibu bapa tidak menjaga hati aku. (b 19, h. 230.31)

Dalam ayat ini, kata *derhaka* ialah KK. Untuk berfungsi sebagai KKT, kata *derhaka* sepatutnya diberikan imbuhan *men-*. Dengan itu, *men- + derhaka = menderhaka* yang bermaksud *melakukan perbuatan khianat atau tidak taat*.

25a. Biar aku satu-satunya anak Mamak yang *menderhaka* kepada ibu bapa kerana ibu bapa tidak menjaga hati aku.

26. Ajaran Tok Guru bukan boleh *ikut* sangat kerana Tok Guru hanya asyik hendak *tukar* pakaian dan *pugar* tanah saja. (b 19, h. 231.3)

⁹ *Ibid.* Hlm. 1484.

Kata *ikut* dalam ayat ini tidak betul penggunaannya. Kata *ikut* dalam konteks ayat di atas sepatutnya diberi imbuhan *di-* menjadi *diikut* yang berfungsi sebagai KK pasif. Kata *pugar* pula tidak tepat digunakan kerana kata itu yang berfungsi sebagai KKT sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan *me-*. Dengan ini, *me- + pugar = memugar*. Proses peleburan fonem menyebabkan fonem *p* berubah menjadi *m*. Kata *tukar* juga tidak sesuai digunakan. Kata *tukar* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan KKT, iaitu *me-*. Dengan ini, *me- + tukar = menukar*. Fonem pertama pada kata dasar (*t*) dileburkan dan digantikan dengan fonem (*n*).

26a. Ajaran Tok Guru bukan boleh *diikut* sangat kerana Tok Guru hanya asyik hendak *menukar* pakaian dan *memugar* tanah saja.

27. Tok Guru *gunakan* ayat-ayat al-Quran itu hanya untuk kepentingan dirinya saja. (b 19, h. 231.5)

Dalam ayat ini kata *gunakan* tidak sesuai digunakan. Menurut konteks ayat, kata *gunakan* hendaklah diberikan imbuhan *meng-* untuk menjadi KKT. Oleh itu, *meng- + gunakan = menggunakan* yang bermaksud *mengambil faedah, memakai atau mengerjakan*.¹⁰

¹⁰ *Ibid.* Hlm. 418.

27a. Tok Guru *menggunakan* ayat-ayat al-Quran itu hanya untuk kepentingan dirinya saja.

28. ... dan Mami *usap* mukaku. (b 19, h. 232.29)

Kata *usap* dalam ayat ini tidak sesuai digunakan. KK ini hendaklah dikenai imbuhan *meng-*. *Meng-* + *usap* = *mengusap* yang bermaksud *menggosok*.

28a. ... dan Mami *mengusap* mukaku.

29. Mumdas juga *terpa* duduk atas ribaku. (b 19, h. 233.1)

Kata *terpa* dalam ayat ini tidak sesuai digunakan. Kata ini sepatutnya menerima imbuhan *me-* yang bermaksud *menyerbu*.¹¹ Dengan ini, *me-* + *terpa* = *menerpa*. Proses *peleburan fonem* menyebabkan *t* berubah menjadi *n*.

29a. Mumdas juga *menerpa* duduk atas ribaku.

30. Buat apa *simpan* tanah gersang kalau masih banyak lagi tanah subur yang masih menanti. (b 19, h. 234.10)

Kata *simpan* sebagai KK tidak sesuai digunakan dalam ayat ini. Kata *simpan* perlu diimbuhkan dengan imbuhan *me-* untuk menjadi KKT. Dengan ini, *me-* +

¹¹ *Ibid.* Hlm. 1435.

simpan = *menyimpan* yang bermaksud *menaruh di tempat yang selamat*.¹²

Peleburan fonem menyebabkan fonem pertama pada kata dasar (*s*) dileburkan dan digantikan dengan dengan fonem *ny*.

30a. Buat apa *menyimpan* tanah gersang kalau masih banyak lagi tanah subur yang masih menanti.

31. Mami usahlah *sebut* Tok Guru lagi kerana Cumbi tidak suka kepada Tok Guru itu. (b 19, h. 234.25)

Dalam ayat 31, kata *sebut* tidak sesuai digunakan. Kata *sebut* sebagai KKT sepatutnya menerima imbuhan KK *me-*. Dengan itu, *me- + sebut = menyebut* yang bermaksud *melafazkan, mengucapkan, memperkatakan*.¹³

31a. Mami usahlah *menyebut* Tok Guru lagi kerana Cumbi tidak suka kepada Tok Guru itu.

32. ... tapi Mami masih hendak *amalkan* ajaran Tok Guru. (b 19, h. 235.9)

Dalam ayat ini, kata *amalkan* tidak betul penggunaannya. Kata *amalkan* sebagai KK sepatutnya diberi imbuhan *meng-* yang membawa maksud *melaksanakan*,

¹² *Ibid.* Hlm. 1282.

¹³ *Ibid.* Hlm. 1203.

mempraktikkan atau melakukan. ¹⁴ Dengan itu, *meng- + amalkan = mengamalkan.*

32a. ... tapi Mami masih hendak *mengamalkan* ajaran Tok Guru.

33. Tok Guru juga *kata* bilik tidur itu bilik rahsia. (b 19, h. 235.14)

Perkataan *kata* dalam ayat ini tidak sesuai digunakan. Menurut konteks ayat, perkataan *kata* bukanlah berfungsi sebagai KN tetapi *kata* berfungsi sebagai KKT. Dengan itu, perkataan *kata* sepatutnya menerima imbuhan KK *ber-*. *Ber- + kata = berkata.*

33a. Tok Guru juga *berkata* bilik tidur itu bilik rahsia.

34. Waktu menadah tangan *minta* doa yang panjang pun, Tok Guru asyik *kerling* saja kepada aku. (b 19, h. 235.24)

Kata *minta* sebagai KK tidak sesuai digunakan dalam ayat di atas. Kata *minta* hendaklah diimbuhkan dengan imbuhan KK *me-* yang bermaksud *mengucapkan* atau *melafazkan (doa dll)*. ¹⁵ Dengan itu, *me- + minta = meminta* yang bererti *memohon*. Kata *kerling* pula tidak sesuai digunakan kerana kata itu sepatutnya diberi imbuhan *me-* yang berfungsi sebagai KKT. Dengan itu, *me- + kerling =*

¹⁴ *Ibid.* Hlm. 33.

¹⁵ *Ibid.* Hlm. 891.

mengerling. Proses peleburan fonem menyebabkan fonem pertama kata dasar *k* berubah menjadi *ng*.

34a. Waktu menadah tangan *meminta* doa yang panjang pun, Tok Guru asyik *mengerling* saja kepada aku.

35. Tapi bagaimana kalau Mubarak sudah *lupakan* aku. (b 19, h. 236.7)

Kata *lupakan* tidak sesuai digunakan dalam ayat di atas. Kata *lupakan* sepatutnya diberi imbuhan *me-* untuk berfungsi sebagai KKT yang membawa maksud *lupa* akan, *tidak ingat akan*, *menghilangkan sesuatu daripada ingatan* atau *menjadikan lupa*.¹⁶ Dengan itu, *me- + lupakan = melupakan*.

35a. Tapi bagaimana kalau Mubarak sudah *melupakan* aku.

36. Biar aku tak usah *panggil* Tok Guru jahat. (b 19, h. 236.10)

Dalam ayat 36, kata *panggil* tidak sesuai digunakan. Kata *panggil* sepatutnya dikenai imbuhan *me-* untuk bertugas sebagai KKT. Dengan itu, *me- + panggil = memanggil*.

36a. Biar aku tak usah *memanggil* Tok Guru jahat.

¹⁶ *Ibid.* Hlm. 834.

37. Aku akan *fikirkan* sesuatu nanti bila tibanya ketika. (b 19, h. 237.23)

Dalam ayat ini, kata *fikirkan* tidak sesuai digunakan. Kata *fikirkan* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan *me-*. Jadi, *me-* + *fikirkan* = *memikirkan*.

Memikirkan bermaksud *menggunakan akal (untuk menyelesaikan sesuatu)*.¹⁷

37a. Aku akan *memikirkan* sesuatu nanti bila tibanya ketika.

38. ... kerana aku pasti Mamak sudah *hafaz* nama bakal-bakal isterinya. (b 19, h. 239.3)

Penggunaan kata *hafaz* yang berfungsi sebagai KKT sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan *meng-*. Dengan itu, *meng-* + *hafaz* = *menghafaz*.

38a. ... kerana aku pasti Mamak sudah *menghafaz* nama bakal-bakal isterinya.

39. Mamak masih *pura-pura* juga, aku rasa. (b 19, h. 239.28)

Dalam ayat ini, kata *pura-pura* tidak sesuai digunakan. Menurut konteks ayat, kata itu perlu diberi imbuhan KKT *ber-*. Dengan ini, *ber-* + *pura-pura* = *berpura-pura*.

39a. Mamak masih *berpura-pura* juga, aku rasa.

¹⁷ *Ibid.* Hlm. 352.

40. Sudah banyak kali Tok Guru *sentuh* bab kecantikan bermadu ini, (b 19, h. 244.18)

Dalam ayat ini kata *sentuh* tidak sesuai digunakan. Kata *sentuh* sebagai KKT mesti menerima imbuhan *me-* yang bermaksud *menyebut*. Dengan ini, *me- + sentuh = menyentuh*.

40a. Sudah banyak kali Tok Guru *menyentuh* bab kecantikan bermadu ini,

41. Dan aku *lonjak* menyembamkan muka seluruhnya ke dalam lopak ribaan Mami. (b 19, h. 249.1)

Kata *lonjak* tidak sesuai digunakan dalam ayat ini. Kata itu sepatutnya diberi imbuhan KKT, iaitu *me- + lonjak = melonjak*.

41a. Dan aku *melonjak* menyembamkan muka seluruhnya ke dalam lopak ribaan Mami.

42. Aku *alih* badanku supaya terlentang dan nampak kipas angin ligat memutar. (b 19, h. 252.9)

Kata *alih* dalam ayat 42 tidak sesuai digunakan. Kata *alih* sepatutnya menerima imbuhan *meng- ... -kan* untuk menjadi KKT. Dengan ini, *meng- + alih + -kan = mengalihkan*.

42a. Aku *mengalihkan* badanku supaya terlentang dan nampak kipas angin ligat memutar.

43. Tapi kalau Mamak *kahwinkan* aku dengan Tok Guru, (b 19, h. 252.27)

Menurut konteks ayat, KK *kahwinkan* dalam ayat ini tidak sesuai digunakan. KK *kahwinkan* sepatutnya diberikan imbuhan *me-* yang berfungsi sebagai KKT. Dengan ini, *me- + kahwinkan = mengahwinkan* yang bermaksud *menyebabkan berkahwin*.

43a. Tapi kalau Mamak *mengahwinkan* aku dengan Tok Guru,

44. Pokok jambu batu kelihatan bergoyang *liuk-liuk*. (b 19, h. 253.15)

Kata *liuk-liuk* dalam ayat 44 tidak sesuai digunakan. Menurut *Kamus Dewan*, kata *liuk-liuk* boleh menerima dua bentuk imbuhan, iaitu *me- + liuk = meliuk* yang bermaksud *melengkong ke kiri dan ke kanan* dan imbuhan *ter- + liuk-liuk = terliuk-liuk* yang membawa maksud *terlenggok-lenggok*.¹⁸

44a. Pokok jambu batu kelihatan bergoyang *meliuk-liuk*.

45.... masih kedengaran ayam berkokok dan *kokok* ayam terasa merdu juga. (b 19, h. 253.26)

¹⁸ *Ibid.* Hlm. 818.

Kata *kokok* tidak sesuai digunakan dalam ayat ini. Berdasarkan konteks ayat, kata *kokok* sepatutnya menerima imbuhan *-an*. Dengan ini, *kokok + -an = kokokan*.

45a. ... masih kedengaran ayam berkokok dan *kokokan* ayam terasa merdu juga.

46. Setiap pahala perlu pengorbanan untuk *memperolehinya*. (b 19, h. 255.6)

Dalam ayat 46, kata *memperolehi* tidak sesuai digunakan kerana telah diberi imbuhan yang tidak tepat. Kata dasar *oleh* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan *memper-* dan bukannya *memper- ... -i*. Dengan itu, *memper- + oleh = memperoleh* yang bermaksud *mendapat atau menerima*.¹⁹

46a. Setiap pahala perlu pengorbanan untuk *memperolehinya*.

47. Betulkah Mamak kata begitu? (b 19, h. 256.14)

Penggunaan perkataan *kata* dalam ayat di atas tidak sesuai. Perkataan *kata* dalam ayat ini bukan berfungsi sebagai KN. Berdasarkan konteks ayat, perkataan *kata* berfungsi sebagai KK. Oleh itu, perkataan *kata* sepatutnya diberi imbuhan KK *ber-*. *Ber- + kata = berkata*.

47a. Betulkah Mamak *berkata* begitu?

¹⁹ *Ibid.* Hlm. 942.

48. Cumbi sudah *buat* keputusan sekarang! (b 19, h. 257.15)

Dalam ayat 48, kata *buat* tidak tepat penggunaannya. Kata *buat* dalam ayat ini berfungsi sebagai KK. Oleh itu, kata *buat* sepatutnya diberi imbuhan KK, iaitu *mem-*. Dengan itu, *mem-* + *buat* = *membuat*.

48a. Cumbi sudah *membuat* keputusan sekarang!

49. Cumbi sanggup *tempuh* sebarang ujian. (b 19, h. 257.19)

Kata *tempuh* tanpa imbuhan tidak sesuai digunakan dalam ayat 49. Kata *tempuh* dalam ayat ini ialah KK. Dengan itu, kata *tempuh* perlu diimbuhkan dengan imbuhan KK *me-*. *Me-* + *tempuh* = *menempuh*. Proses *peleburan fonem* menyebabkan fonem pertama kata dasar, iaitu *t* berubah menjadi *n*.

49a. Cumbi sanggup *menempuh* sebarang ujian.

50. Selepas *wuduk* aku sempat lagi menadah tangan (b 19, h. 259.27)

Dalam ayat ini, kata *wuduk* bukanlah berfungsi sebagai KN. Oleh itu, kata *wuduk* tidak sesuai digunakan tanpa imbuhan kerana kata *wuduk* dalam ayat ini berfungsi sebagai KK. Imbuhan *ber-* sepatutnya diletak pada kata *wuduk* untuk berfungsi sebagai KKT tanpa pelengkap. *Ber-* + *wuduk* = *berwuduk*.

50a. Selepas *berwuduk* aku sempat lagi menadah tangan

51. Mamak yang meminta Mami *hidang* makanan setalam itu. (b 19, h. 262.4)

Dalam ayat 51, kata *hidang* tidak sesuai digunakan. Kata *hidang* berfungsi sebagai KKT. Oleh itu, kata *hidang* sepatutnya diberi imbuhan *meng...-kan*.
Meng- + hidang + -kan = menghidangkan yang bermaksud *menyajikan atau menghidangkan makanan*.²⁰

51a. Mamak yang meminta Mami *menghidangkan* makanan setalam itu.

3.5. PENYIMPANGAN GOLONGAN KATA

BILA

Kata singkatan *bila* dan *apabila* nampaknya digunakan dengan pengertian yang sama, iaitu sebagai kata penghubung klausa. Perkara ini terjadi kerana ada anggapan bahawa perkataan *bila* ialah bentuk singkat bagi *apabila*. Daripada struktur binaan, kemungkinan itu memang ada tetapi dari sudut golongan kata dan fungsi, perkataan *bila* dan *apabila* jelas berbeza. Perkataan *bila* tergolong dalam golongan kata tanya atau kata ganti nama pertanyaan sedangkan perkataan *apabila* tergolong dalam golongan kata penghubung, iaitu kata penghubung yang menyambungkan ayat induk dengan ayat kecil.²¹ Dari sudut

²⁰ Ibid. Hlm. 453.

²¹ Nik Safiah Karim *et al.* *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 241-243.

fungsi, perkataan *bila* digunakan untuk menerbitkan ayat tanya sedangkan perkataan *apabila* digunakan untuk membentuk klausa keterangan.

Jadual 3.5 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Golongan Kata

<div> <div>Novel</div> <div>Bentuk Penyimpangan</div> </div>	Tok Guru	
	Kekerapan	Peratus
Golongan Kata	34	100%
Jumlah	34	100%

Berikut disenaraikan penyimpangan penggunaan perkataan *apabila* yang menggunakan singkatan *bila*.

1. Mami pun mengangguk juga *bila* melihat Mamak mengangguk. (b 10, h. 92.17)

1a. Mami pun mengangguk juga *apabila* melihat Mamak mengangguk.

2. Lenggokannya begitu berseni pula rasanya kerana *bila* berlenggok ke kanan (b 10, h. 93.28)

2a. Lenggokannya begitu berseni pula rasanya kerana *apabila* berlenggok ke kanan

3. Cukup besarlah pahalanya *bila* dapat membela seorang janda dan anak yatim. (b 10, h. 94.30)

3a. Cukup besarlah pahalanya *apabila* dapat membela dan anak yatim.

4. Aku kadang-kadang berasa lebih bertuah lagi *bila* teringat pada Mubarak
(b 10, h. 96.5)

4a. Aku kadang-kadang berasa lebih bertuah lagi *apabila* teringat pada Mubarak
.... .

5. ... tapi kebingungan itu luput *bila* ia dicelahi dengan gelak ketawa. (b 10, h. 99.15)

5a. ... tapi kebingungan itu luput *apabila* ia dicelahi dengan gelak ketawa.

5. Dan *bila* pintu pagar dibuka, bas mini itu pun bergerak masuk (b 10, h. 102.11)

5a. Dan *apabila* pintu pagar dibuka, bas mini itu pun bergerak masuk

7. *Bila* bas berhenti, Tok Guru juga yang membuka pintu. (b 10, h. 102.13)

7a. *Apabila* bas berhenti, Tok Guru juga yang membuka pintu.

8. ... Mamak cuba hendak makan dalam talam *bila* makan bersama keluarga.

(b 10, h. 106.24)

8a. ... Mamak cuba hendak makan dalam talam *apabila* makan bersama keluarga.

9. Dan *bila* Tok Guru selesai membaca doa sebelum makan itu, (b 10, h. 107.12)

9a. Dan *apabila* Tok Guru selesai membaca doa sebelum makan itu,

10. ... tiba-tiba saja Tok Guru membuka tirai majlis *bila* selesai saja kami makan (b 10, h. 107.28)

10a ... tiba-tiba saja Tok Guru membuka tirai majlis *apabila* selesai saja kami makan

11. ... malah agak panjang mengorak senyuman itu *bila* melihat gerak-geri Mamak. (b 10, h. 108.17)

11a ... malah agak panjang mengorak senyuman itu *apabila* melihat gerak-geri Mamak.

12. Insya-Allah, *bila* kelak Tok Guru dan anak buahnya balik, (b 10, h. 111.12)

12a. Insya-Allah, *apabila* kelak Tok Guru dan anak buahnya balik,

13. Dan *bila* Tok Guru, (b 10, h. 112.28)

13a. Dan *apabila* Tok Guru,

14. Aku dapat merasakan keindahan yang amat sangat *bila* berdiri (b 10, h.113.4)

14a. Aku dapat merasakan keindahan yang amat sangat *apabila* berdiri

15. Mubarak pun pasti akan memahami hakikat ini *bila* kelak dia berada (b 10, h. 115.9)

15a. Mubarak pun pasti akan memahami hakikat ini *apabila* kelak dia berada

16. Dan Mamak bertambah panjang senyumannya *bila* saja melihat wajah (b 10, h. 116.14)

16a. Dan Mamak bertambah panjang senyumannya *apabila* saja melihat wajah ...

17. Tapi *bila* Mamak pasang ketayap merah saga dengan serban hijau (b 10, h. 116.17)

17a. Tapi *apabila* Mamak pasang ketayap merah saga dengan serban hijau

18. Kelak *bila* gilirannya tiba, (b 10, h. 117.6)

18a. Kelak *apabila* gilirannya tiba,

19. Barangkali Mubarak akan terkejut besar *bila* membaca suratku itu (b 10, h. 120.22)

19a. Barangkali Mubarak akan terkejut besar *apabila* membaca suratku itu

20. ... dan bagaimana jadual itu akan dipinda lagi *bila* kelak isteri Mamak (b 10, h. 120.31)

- 20a. ... dan bagaimana jadual itu akan dipinda lagi *apabila* kelak isteri Mamak ...
21. Itu yang pernah disebut oleh Tok Guru *bila* membicarakan peranan isteri. (b 10, h. 124.4)
- 21a. Itu yang pernah disebut oleh Tok Guru *apabila* membicarakan peranan isteri.
22. Malam semakin larut dan *bila* terjaga, (b 10, h. 126.15)
- 22a. Malam semakin larut dan *apabila* terjaga,
23. Dan kukira Mubarak yang sebenar akan datang juga *bila* tiba waktunya. (b 10, h. 126.18)
- 23a. Dan kukira Mubarak yang sebenar akan datang juga *apabila* tiba waktunya.
24. Dan keperluan itu hanya wujud *bila* bukan Mubarak yang berkunjung (b 10, h. 127.16)
- 24a. Dan keperluan itu hanya wujud *apabila* bukan Mubarak yang berkunjung ...
25. Biar kepalaku hancur *bila* terhempas di permukaan air. (b 19, h. 227.11)
- 25a. Biar kepalaku hancur *apabila* terhempas di permukaan air.
26. Dan *bila* railcar sedang laju naik, aku terjun. (b 19, h. 229.17)
- 26a. Dan *apabila* railcar sedang laju naik, aku terjun.
27. ... aku rasa dahiku basah *bila* terkena air mata Mami. (b 19, h. 233.1)

- 27a. ... aku rasa dahiku basah *apabila* terkena air mata Mami.
28. ... dan fikiran Mamak pun akan tenang *bila* boleh kerap tukar pakaian (b 19, h. 239.25)
- 28a. ... dan fikiran Mamak pun akan tenang *apabila* boleh kerap tukar pakaian ...
29. Dan Mamak tentu keras *bila* menjaga saf-saf. (b 19, h. 241.6)
- 29a. Dan Mamak tentu keras *apabila* menjaga saf-saf.
30. Dan *bila* Abang Mirasa pun sudah boleh jadi imam menggantikan Mamak, ...
(b 19, h. 241.9)
- 30a. Dan *apabila* Abang Mirasa pun sudah boleh jadi imam menggantikan
Mamak,
31. *Bila* nafas terhenti, jantung pun tentu terhenti juga, (b 19, h. 248.7)
- 31a. *Apabila* nafas terhenti, jantung pun tentu terhenti juga,
32. ... mempertahankan kemerduan suaranya terutama *bila* membaca surah
(b 19, h. 260.14)
- 32a. ... mempertahankan kemerduan suaranya terutama *apabila* membaca surah
... .
33. Dan aku lihat Mamak tersenyum *bila* terbukti semua ahli keluarga (b 19,
h. 260.20)
- 33a. Dan aku lihat Mamak tersenyum *apabila* terbukti semua ahli keluarga

34. Dan *bila* aku melihat muka Mami dalam telekung itu, (b 19, h. 261.24)

34a. Dan *apabila* aku melihat muka Mami dalam telekung itu,

3.6. PENYIMPANGAN KATA SENDI NAMA

Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Antara kata sendi nama yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu ialah di, ke, dari, daripada, kepada, pada, antara, dan sebagainya. Walaupun semua kata sendi nama hadir di hadapan kata nama atau frasa nama, namun tiap-tiap kata sendi nama itu mempunyai tugas atau fungsi yang berlainan dan penggunaannya ditentukan oleh peraturan yang khusus.²²

Penyimpangan penggunaan kata sendi nama dapat dibahagikan kepada dua :

- i) Kesalahan menggunakan kata sendi nama.
- ii) Pengabaian penggunaan kata sendi nama.

Jadual 3.6 menunjukkan kekerapan, pola atau jenis dan peratus penyimpangan kata sendi nama.

²² Ibid. Hlm. 252.

Jadual 3.6 : Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Kata Sendi Nama

<div>Novel</div> <div>Bentuk Penyimpangan</div>	Tok Guru	
	Kekerapan	Peratus
Dalam dan Di dalam	8	14.55
Dari dan Daripada	22	40.0
Ke	11	20.0
Di	9	16.36
Pada dan Kepada	4	7.27
Antara dan Di antara	1	1.82
Jumlah	55	100%

3.6.1 Penyimpangan Kata Sendi Nama 'di'

Kata sendi nama *di* digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Kata sendi nama ini ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya. Kata sendi nama *di* tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menerangkan waktu, masa, atau zaman.²³

²³ Ibid. Hlm. 252-253

1. Kami duduk dengan kukuh *atas tikar*. (b 10, h. 97.17)
 - 1a. Kami duduk dengan kukuh *di atas tikar*.
2. Lagipun kisaran makanan tak mesra kalau *duduk atas* kerusi. (b 10, h. 97.19)
 - 2a. Lagipun kisaran makanan tak mesra kalau *duduk di atas* kerusi.
3. Mumdas yang masih duduk *teguh atas riba* Mami terpegun melihat budak-budak yang sebaya dengannya. (b 10, h.105.13)
 - 3a. Mumdas yang masih duduk *teguh di atas riba* Mami terpegun melihat budak-budak yang sebaya dengannya.
4. Mereka sudah siap sedia duduk *atas sejadah* menunggu Tok Guru (b 10, h. 112.13)
 - 4a. Mereka sudah siap sedia duduk *di atas sejadah* menunggu Tok Guru
5. Mumdas juga terpa duduk *atas ribaku*. (b 19, h. 233.2)
 - 5a. Mumdas juga terpa duduk *di atas ribaku*.
6. Ada yang menitik *atas lantai*. (b 19, h. 233.11)
 - 6a. Ada yang menitik *di atas lantai*.
7. Tanganku terus berada *dalam baju* dan mengutil dan mengutil juga daging perut. (b 19, h. 248.1)
 - 7a. Tanganku terus berada *di dalam baju* dan mengutil dan mengutil juga daging perut.

l. Tapi biarlah aku berkurung saja *dalam bilik* ini. (b 19, h. 250.14)

a. Tapi biarlah aku berkurung saja *di dalam bilik* ini.

l. Mumdas terpaksa datang tidur *dalam bilikku*. (b 19, h. 263.2)

a. Mumdas terpaksa datang tidur *di dalam bilikku*.

6.2 Penyimpangan Kata Sendi Nama 'ke'

Kata sendi nama *ke* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat atau arah yang dituju dan digunakan juga di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan waktu atau masa. Kata sendi nama *ke* sebagai kata hadapan juga dieja sebagai satu kata yang terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya. Kata sendi nama *ke* tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang merujuk manusia atau binatang.²⁴

l. Iblis dan setan itu akan menyelinap *masuk dalam* suapan bersama. (b 10, h. 97.18)

a. Iblis dan setan itu akan menyelinap *masuk ke dalam* suapan bersama.

l. ... kerana Tok Guru boleh bawa Mami *masuk syurga*. (b 10, h. 99.20)

a. ... kerana Tok Guru boleh bawa Mami *masuk ke syurga*.

²⁴ Ibid. Hlm. 253-254.

3. Mami cuba menegah mereka *masuk dapur*, tapi mereka berkeras (b 10, h. 106.14)
- 3a. Mami cuba menegah mereka *masuk ke dapur*, tapi mereka berkeras
4. ... entah keropok apa lagi dituangkannya *dalam dua* buah talam besar. (b 10, h. 106.26)
- 4a. ... entah keropok apa lagi dituangkannya *ke dalam dua* buah talam besar.
5. Kata Tok Guru peranan isteri cukup senang kalau hendak *masuk syurga* (b 10, h. 118.6)
- 5a. Kata Tok Guru peranan isteri cukup senang kalau hendak *masuk ke syurga*
6. Aku akan *masuk mulut* jerung. (b 19, h. 227.13)
- 6a. Aku akan *masuk ke mulut* jerung.
7. ... aku akan berjalan dan berjalan *hingga sampai KOMTAR*. (b 10, h. 228.10)
- 7a. ... aku akan berjalan dan berjalan *hingga sampai ke KOMTAR*.
8. Aku tidak suka angin bertiup *masuk bilikku* dan mengusap pipiku. (b 19, h. 230.7)
- 8a. Aku tidak suka angin bertiup *masuk ke bilikku* dan mengusap pipiku.
9. Dan kemudian dibiarkan *masuk bilik* masing-masing. (b 19, h. 244.3)
- 9a. Dan kemudian dibiarkan *masuk ke bilik* masing-masing.

10. Kegelapan mulai menerpa *masuk kepala* aku. (b 19, h. 246.21)

10a. Kegelapan mulai menerpa *masuk ke kepala* aku.

11. Entah bagaimana aku lihat Mamak *masuk bilik* Mami malam itu. (b 19, h. 263.1)

11a. Entah bagaimana aku lihat Mamak *masuk ke bilik* Mami malam itu.

3.6.3 Penyimpangan Sendi Nama 'dari'

Kata sendi nama *dari* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat, atau waktu atau masa.²⁵

1. ... meskipun barangkali aku tidak akan *terjun Jambatan Pulau Pinang*, atau *terjun KOMTAR* atau terjun dari *railcar Bukit Bendera*. (b 19, h. 237.18)

1a. ... meskipun barangkali aku tidak akan *terjun dari Jambatan Pulau Pinang*, atau *terjun dari KOMTAR* atau terjun dari *railcar Bukit Bendera*.

3.6.4 Penyimpangan Sendi Nama 'daripada'

Kata sendi nama *daripada* hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda dan unsur mujarad, sumber

²⁵ *Ibid.* Hlm. 255.

atau asal kejadian sesuatu benda, dan perbezaan atau perbandingan. Perlu ditegaskan bahawa penggunaan kata sendi nama *daripada* bagi maksud punca hanya terhad kepada manusia, haiwan, dan benda termasuk unsur mujarad.²⁶

1. Namanya begitu manis, lain *dari* yang lain. (b 10, h. 92.21)

1a. Namanya begitu manis, lain *daripada* yang lain.

2. ... pahala yang berlipat ganda hasil *dari* pengorbanan dan kerelaannya (b 10, h. 101.31)

2a. ... pahala yang berlipat ganda hasil *daripada* pengorbanan dan kerelaannya

3. Saf mesti dijaga kerana *dari* saflah akan membawa kepada ikatan kasih (b 10, h. 112.22)

3a. Saf mesti dijaga kerana *daripada* saflah akan membawa kepada ikatan kasih

4. Dan mungkin *dari* jemaah keluarga yang besar itu, (b 10, h. 115.3)

4a. Dan mungkin *daripada* jemaah keluarga yang besar itu,

5. Mami yakin tentang hikmat *dari* ucapan itu. (b 10, h. 122.27)

5a. Mami yakin tentang hikmat *daripada* ucapan itu.

²⁶ *Ibid.* Hlm. 256-257

Dan aku akan terjun *dari* tingkat enam puluh lima itu waktu orang ramai datang membeli belah. (b 19, h. 228.17)

. Dan aku akan terjun *daripada* tingkat enam puluh lima itu waktu orang ramai datang membeli belah.

Aku tidak akan berganjak *dari* keputusan yang aku sudah ambil. (b 19, h. 32.9)

a. Aku tidak akan berganjak *daripada* keputusan yang aku sudah ambil.

. Kitab itu semuanya *dari* ulama-ulama muktabar juga. (b 19, h. 236.18)

a. Kitab itu semuanya *daripada* ulama-ulama muktabar juga.

. Malah aku amat gembira sekali kerana ahli keluarga kami akan bertambah *dari* keluarga itu akan menjadi satu jemaah kecil. (b 19, h. 238.28)

a. Malah aku amat gembira sekali kerana ahli keluarga kami akan bertambah *daripada* keluarga itu akan menjadi satu jemaah kecil.

0. Gigi atas bawah juga semakin kerap menokak lidah sehingga aku rasa darah *dari* lidah pun bukan main banyak juga. (b 19, h. 247.31)

0a. Gigi atas bawah juga semakin kerap menokak lidah sehingga aku rasa darah *daripada* lidah pun bukan main banyak juga.

11. Tentu Mami sudah melihat air mataku atau mungkin sudah ternampak percikan darah terbit *dari* mulutku. (b 19, h. 248.15)

- 11a. Tentu Mami sudah melihat air mataku atau mungkin sudah ternampak percikan darah terbit *daripada* mulutku.
12. ... di tanam benih *dari* benih yang satu, bukan *dari benih* yang bercambah (b 19, h. 251.8)
- 12a. ... di tanam benih *daripada* benih yang satu, bukan *daripada benih* yang bercambah
13. ... kata-kata Mamak adalah kata-kata *dari* al-Quran dan Sunah. (b 19, h. 251.23)
- 13a. ... kata-kata Mamak adalah kata-kata *daripada* al-Quran dan Sunah.
14. Lintasan-lintasan itu bertumpang tindih dengan kebenaran-kebenaran lain yang terhasil *dari* perasaan dan khayalan. (b 19, h. 252.9)
- 14a. Lintasan-lintasan itu bertumpang tindih dengan kebenaran-kebenaran lain yang terhasil *daripada* perasaan dan khayalan.
15. Aku akan jadi lebih besar gilanya; lebih *dari* gila Abang Mirasa (b 19, h. 252.30)
- 15a. Aku akan jadi lebih besar gilanya; lebih *daripada* gila Abang Mirasa
16. Kalau Mamak memaksa juga, aku akan menggilakan diriku sampai menjadi lebih *dari* kegilaan Abang Mirasa. (b 19, h. 254.9)
- 16a. Kalau Mamak memaksa juga, aku akan menggilakan diriku sampai menjadi lebih *daripada* kegilaan Abang Mirasa.

17. Mamak ambil *dari* Quran dan Sunah. (b 19, h. 255.1)
- 17a. Mamak ambil *daripada* Quran dan Sunah.
18. ... asalkan selera itu tidak lari *dari* batasan syariat. (b 19, h. 255.13)
- 18a. ... asalkan selera itu tidak lari *daripada* batasan syariat.
19. Cumbi inginkan pahala *dari* ibadat pengorbanan ini. (b 19, h. 257.28)
- 19a. Cumbi inginkan pahala *daripada* ibadat pengorbanan ini.
20. ... aku akan keluar *dari* perangkap yang sedang ternganga luas (b 19, h. 258.25)
- 20a. ... aku akan keluar *daripada* perangkap yang sedang ternganga luas
21. Kehadiran jalan-jalan lain dulu itu hanya lintasan-lintasan liar yang tercetus *dari* perasaan dan akal yang cukup terbatas. (b 19, h. 261.22)
- 21a. Kehadiran jalan-jalan lain dulu itu hanya lintasan-lintasan liar yang tercetus *daripada* perasaan dan akal yang cukup terbatas.

3.6.5 Penyimpangan Sendi Nama 'kepada'

Kata sendi nama *kepada* terletak di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan, unsur mujarad, menyatakan pecahan dan menyatakan perubahan keadaan. Namun demikian,

kata sendi nama *kepada* boleh juga digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang merujuk institusi yang ada kaitan dengan manusia.²⁷

1. Tapi mauduk pengajaran Tok Guru semenjak kebelakangan ini nampaknya asyik tertumpu *ke bab* kelaminan saja. (b 10, h. 117.20)

1a. Tapi mauduk pengajaran Tok Guru semenjak kebelakangan ini nampaknya asyik tertumpu *kepada bab* kelaminan saja.

3.6.6 Penyimpangan Sendi Nama 'pada'

Kata sendi nama *pada* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menunjukkan keterangan waktu dan tempat, digunakan dalam ungkapan *ada + pada* (manusia dan haiwan) dalam situasi tertentu.²⁸

1. Kemesraan dan suasana kasih sayang benar-benar memperlihatkan wajah-wajahnya di wajah-wajah anak-anak dan ibu-ibu yang cantik. (b 10, h. 114.5)

1a. Kemesraan dan suasana kasih sayang benar-benar memperlihatkan wajah-wajahnya pada wajah-wajah anak-anak dan ibu-ibu yang cantik.

2. ... terutama kiasan Tok Guru *kepada* air bukit yang terjun dari atas dan jatuh *dalam lopak* di bawah. (b 10, h. 122.18)

²⁷ *Ibid.* Hlm. 259-260.

²⁸ *Ibid.* Hlm. 261.

a. ... terutama kiasan Tok Guru *pada* air bukit yang terjun dari atas dan jatuh
e *dalam lopak* di bawah.

. Berbunyi pada waktu orang tidak suka *kepada* sebarang bunyian. (b 19, h.
30.13)

a. Berbunyi pada waktu orang tidak suka *pada* sebarang bunyian.

3.6.7 Penyimpangan Sendi Nama "Antara"

Kata sendi nama *antara* hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang
membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai jarak atau ruang. Kata
antara juga termasuk dalam golongan kata arah, iaitu sejumlah perkataan yang
hadir sebelum frasa nama dan lazimnya sesudah kata sendi nama untuk
menunjukkan hala atau jurusan.²⁹

L. ... kata salah seorang *di antara* mereka memperkenalkan diri dan aku rasa
adalah tanah ladang Tok Guru yang tertua (b 10, h. 104.8)

1a. ... kata salah seorang *antara* mereka memperkenalkan diri dan aku rasa
adalah tanah ladang Tok Guru yang tertua

3.6.8 Penyimpangan Sendi Nama "Dalam" atau "Di dalam"

²⁹ *Ibid.* Hlm. 271.

kata sendi *di* digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat.³⁰ Kata sendi *dalam* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian tempat yang tidak mempunyai ruang atau jarak seperti perkara, peristiwa, hal, urusan, bahasa, masyarakat dan sebagainya.³¹ Kesilapan berlaku apabila di tempat yang sepatutnya digunakan kata sendi nama *dalam*, frasa sendi *di dalam* digunakan.

1. Iblis dan setan itu akan menyelina*p masuk dalam suapan* bersama. (b 10, h. 97.18)
- 1a. Iblis dan setan itu akan menyelina*p masuk ke dalam suapan* bersama.
2. Aku dan Mumdas *berada dalam rumah* menyambut kedatangan mereka. (b 10, h. 103.7)
- 2a. Aku dan Mumdas *berada di dalam rumah* menyambut kedatangan mereka.
3. Mamak asyik mengganggu saja sambil sekali-sekala mengisar punggungnya bagaikan ada *benda yang mengusik Mamak dalam jubahnya*. (b 10, h. 119.1)
- 3a. Mamak asyik mengganggu saja sambil sekali-sekala mengisar punggungnya bagaikan ada *benda yang mengusik Mamak di dalam jubahnya*.

³⁰ *Ibid.* Hlm. 252.

³¹ "Ke Arah Bahasa Melayu Yang Berkesan". t.th. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 17.

. Tak boleh berterus terang terutama *soal-soal dalam bilik tidur*. (b 19, h. 35.13)

a. Tak boleh berterus terang terutama *soal-soal di dalam bilik tidur*.

4. *Tanganku terus berada dalam baju dan mengutil dan mengutil juga daging perut*. (b 19, h. 248.1)

5a. *Tanganku terus berada di dalam baju dan mengutil dan mengutil juga daging perut*.

5. *Alangkah indahny dalam purdah itu Cumbi menyimpan segala rahsia aurat menunggu penerokaan Tok Guru*. (b 19, h. 258.2)

6a. *Alangkah indahny di dalam purdah itu Cumbi menyimpan segala rahsia, aurat menunggu penerokaan Tok Guru*

7. ... *bagaikan aku benar-benar berada dalam ruang yang terjamin keselamatannya*. (b 19, h. 260.30)

7a. ... *bagaikan aku benar-benar berada di dalam ruang yang terjamin keselamatannya*.

8. *Suasana dalam rumah selepas sembahyang maghrib berjemaah itu benar-benar mesra dan penuh dengan ketenangan, aku rasa*. (b 19, h. 261.29)

8a. *Suasana di dalam rumah selepas sembahyang maghrib berjemaah itu benar-benar mesra dan penuh dengan ketenangan, aku rasa*.

3.7 PENYIMPANGAN BENTUK JAMAK

Menurut *Kamus Linguistik*, kata *jamak* atau *kata ganda* ialah "kategori jumlah yang menunjukkan jumlah lebih dari satu, atau lebih dari dua dalam bahasa yang mempunyai dualis".³² Dalam risalah *Bahasa Malaysia dan Penyalahgunaannya* dinyatakan bahawa kesalahan umum mengenai bentuk jamak dalam Bahasa Malaysia ialah (i) pengulangan kata yang sudah mendukung konsep jamak, (ii) pengulangan kata nama yang bentuk jamaknya ditentukan oleh penggunaan kata bilangan dan (iii) pengulangan semua kata dalam frasa nama.³³

Bentuk jamak dalam bahasa Melayu dapat dinyatakan dengan beberapa cara :³⁴

- a) Pengulangan kata nama, misalnya *kerusi* menjadi *kerusi-kerusi*.
- b) Pengulangan kata bilangan yang menunjukkan maksud jamak
 - i) Kata bilangan tentu : *tiga buah meja*.
 - ii) Kata bilangan tak tentu : *semua orang*.

³² *Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 100.

³³ *Bahasa Malaysia dan Penyalahgunaannya*. 1987. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 17.

³⁴ Awang Sariyan. 1984. *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur : Terbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd. Hlm. 12-14.

- iii) Kata bilangan pisahan : *tiap-tiap negeri*.
 - iv) Kata bilangan himpunan : *kedua-dua gadis itu*.
- c) Kata yang sudah berdukung pengertian jamak, misalnya *mereka* dan *rakyat*. Kata-kata seumpama itu tidak perlu diulang untuk menunjukkan jamak.
- d) Pengulangan kata adjektif dalam konstituen predikat, misalnya :
Bangunan di sana tinggi-tinggi belaka. Dengan mengulangkan kata adjektif *tinggi* menjadi *tinggi-tinggi*, sudah tergambar maksud jamak walaupun kata bangunan tidak diulang.

Kata bilangan *tiap-tiap* boleh ditulis sebagai *setiap*, tetapi tidak boleh ditulis sebagai *tiap* sahaja. Kata bilangan *setengah-setengah* harus dibezakan daripada kata bilangan *setengah*. *Setengah-setengah* ialah kata bilangan tak tentu yang ertinya hampir sama dengan sebahagian, sedangkan *setengah* ialah kata bilangan pecahan. Kata bilangan *pelbagai* samalah dengan *berbagai-bagai*, tetapi tidak boleh ditulis *berbagai* sahaja.

Jadual 3.7: Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Bentuk Jamak

Novel Bentuk Penyimpangan	Tok Guru	
	Kekerapan	Peratus
Bentuk Jamak	15	6.58
Jumlah	15	100%

Yang berikut merupakan penyimpangan bentuk jamak yang telah dikesan dalam novel *Tok Guru*.

1. *Empat yang besar-besar, empat yang sedang-sedang dan empat lagi yang kecil-kecil* tapi semuanya nampak hitam pekat kerana benar-benar berbungkus lingkup. (b 10, h. 102.22)

1a. *Empat yang besar, empat yang sedang dan empat lagi yang kecil* tapi semuanya nampak hitam pekat kerana benar-benar berbungkus lingkup.

2. Mamak asyik mengganggu saja kerana barangkali memikirkan *jumlah anak-anak* Tok Guru yang banyak itu. (b 10, h. 105.7)

2a. Mamak asyik mengganggu saja kerana barangkali memikirkan *jumlah anak* Tok Guru yang banyak itu.

3. Insya-Allah *mereka akan membesar dan menjadi orang-orang* yang disukai oleh Allah. (b 10, h. 106.6)
 - 3a. Insya-Allah *mereka akan membesar dan menjadi orang* yang disukai oleh Allah.
4. *Para isteri Tok Guru dan anak-anaknya* begitu cepat berubah haluan. (b 10, 111.26)
 - 4a. *Para isteri Tok Guru dan anaknya* begitu cepat berubah haluan.
5. *Budak-budak itu memang pandai menjaga saf-saf mereka.* (b 10, h. 112.25)
 - 5a. *Budak-budak itu memang pandai menjaga saf mereka.*
6. ... dan aku lihat *semua anak-anak* dan isterinya berensot ke hadapan mencium tangan Tok Guru. (b 10, h. 113.31)
 - 6a. ... dan aku lihat *semua anak* dan isterinya berensot ke hadapan mencium tangan Tok Guru.
7. Mamak sudahpun buat rancangan *menambah bilik-bilik* tidur dengan lengkap bilik air dan tandas di dalam bilik itu. (b 10, h. 117.13)
 - 7a. Mamak sudahpun buat rancangan *menambah bilik* tidur dengan lengkap bilik air dan tandas di dalam bilik itu.
8. ... menikam daging dan meronta mengeluarkan *darah-darah yang banyak.* (b 19, h. 246.13)

8a. ... menikam daging dan meronta mengeluarkan *darah yang banyak*.

9. Dan dalam kegelapan itu secara spontan dan pantas seperti kilat dan terbang *wajah-wajah Jambatan Pulau Pinang, bangunan KOMTAR setinggi enam puluh lima tingkat dan Bukit Bendera ...* . (b 19, h. 247.1)

9a. Dan dalam kegelapan itu secara spontan dan pantas seperti kilat dan terbang *wajah Jambatan Pulau Pinang, bangunan KOMTAR setinggi enam puluh lima tingkat dan Bukit Bendera ...* .

10. Wajah-wajah itu datang silih berganti, *tapi wajah Mami sering juga mencelah sehingga wajah Mami menenggelami wajah-wajah jambatan, KOMTAR dan Bukit Bendera*. (b 19, h. 247.6)

10a. Wajah-wajah itu datang silih berganti, *tapi wajah Mami sering juga mencelah sehingga wajah Mami menenggelami wajah jambatan, KOMTAR dan Bukit Bendera*.

11. Biar *semuanya lebam-lebam*. (b 19, h. 248.26)

11a. Biar *semuanya lebam*.

12. Biar *semuanya bengkak-bengkak*. (b 19, h. 248. 27)

12a. Biar *semuanya bengkak*.

13. Entahlah, aku tidak lagi dapat melihat *muka-muka mereka*. (b 19, h. 249.12)

13a. Entahlah, aku tidak lagi dapat *melihat muka mereka*.

14. *Jambu batu berbuah banyak tapi buah-buahnya berkematu macam kulit penuh dengan paru-paru yang bernanah.* (b 19, h. 254.16)

14a. *Jambu batu berbuah banyak tapi buahnya berkematu macam kulit penuh dengan paru yang bernanah.*

15. Mamak akan mempunyai *empat keping ladang dan Mamak terpaksa menerokai ladang-ladang itu mengikut giliran yang adil.* (b 19, h. 255.28)

15a. Mamak akan mempunyai *empat keping ladang dan Mamak terpaksa menerokai ladang itu mengikut giliran yang adil.*

3.8 PENYIMPANGAN KATA PEMERI

Kata *pemer* ialah unsur yang menjadi pemer hal atau perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam prediket. *Pemerihalan* itu dapat dilakukan melalui dua cara seperti yang berikut :

- (i) Secara persamaan atau ekuatif dengan penggunaan kata pemer *ialah*,
- (ii) Secara huraian atau kualitatif dengan penggunaan kata pemer *adalah*.

Penggunaan kata pemerī *ialah* secara persamaan atau secara ekuatif hadir di hadapan frasa nama manakala penggunaan kata pemerī *adalah* secara huraian atau kualitatif hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama. Pada umumnya, kata *pemerī* tidak boleh hadir bersama-sama kata nafi. Kata *pemerī* tidak boleh hadir di hadapan frasa kerja atau kata kerja.³⁵

Jadual 3.8: Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Kata Pemerī

Novel Bentuk Penyimpangan	Tok Guru	
	Kekerapan	Peratus
Kata Pemerī	14	6.14
Jumlah	14	100%

Yang berikut merupakan penyimpangan penggunaan kata pemerī.

1. Akan kukatakan aku mahu kahwin kerana kahwin *adalah ibadat* juga. (b 10, h. 110.27)
- 1a. Akan kukatakan aku mahu kahwin kerana kahwin *ialah ibadat* juga.

³⁵ Nik Safiah Karim *et al.* *Tatabahasa Dewan* Hlm. 250.

2. Aku berhias untuk suami semata-mata kerana itu juga *adalah ibadat*. (b 10, h. 124.7)

2a. Aku berhias untuk suami semata-mata kerana itu juga *ialah ibadat*.

3. Aku *adalah ladang* yang subur khusus untuk Mubarak. (b 10, h. 124.17)

3a. Aku *ialah ladang* yang subur khusus untuk Mubarak.

4. Aku *adalah pakaian* yang cantik untuk Mubarak memakainya sepuas yang diinginkan. (b 10, h. 124.18)

4a. Aku *ialah pakaian* yang cantik untuk Mubarak memakainya sepuas yang diinginkan.

5. Aku *adalah lopak* yang hanya menunggu terjunnya air bukit daripada Mubarak. (b 10, h. 124.19)

5a. Aku *ialah lopak* yang hanya menunggu terjunnya air bukit daripada Mubarak.

6. Malam itu *adalah malam* yang bererti bagiku kerana aku tidak rasa pelik (b 10, h. 124.23)

6a. Malam itu *ialah malam* yang bererti bagiku kerana aku tidak rasa pelik

7. Biar Tok Guru menyesal juga kerana puncanya *adalah Tok Guru*. (b 19, h. 228.28)

7a. Biar Tok Guru menyesal juga kerana puncanya *ialah Tok Guru*.

. Lagipun Mami sendiri sudah sedar bahawa dia *adalah tanah* ladang yang
andus (b 19, h. 242.18)

a. Lagipun Mami sendiri sudah sedar bahawa dia *ialah tanah* ladang yang
andus

9. Aku tidak membantah kerana kata-kata Mamak *adalah kata-kata* dari al-
Quran dan Sunah. (b 19, h. 251.23)

9a. Aku tidak membantah kerana kata-kata Mamak *ialah kata-kata* dari al-Quran
dan Sunah.

10. Pengorbanan yang paling besar *adalah pengorbanan* menjadi isteri yang ke
berapa kepada orang alim. (b 19, h. 255.9)

10a. Pengorbanan yang paling besar *ialah pengorbanan* menjadi isteri yang ke
berapa kepada orang alim.

11. Kegagahan Tok Guru *adalah kegagahan* kebatinan (b 19, h. 255.21)

11a. Kegagahan Tok Guru *ialah kegagahan* kebatinan

12. ... kerana sembahyang *adalah jaminan* untuk mendapat kesejahteraan. (b
19, h. 258.13)

12a. ... kerana sembahyang *ialah jaminan* untuk mendapat kesejahteraan.

13. Mereka cuba datang lagi mengganggu aku tapi aku akan ikut Mamak
kerana Mamak *adalah kebenaran, adalah kebaikan, adalah kesejahteraan*. (b 19,
h. 259.21)

13a. Mereka cuba datang lagi mengganggu aku tapi aku akan ikut Mamak kerana Mamak *ialah kebenaran, ialah kebaikan, ialah kesejahteraan.*

14. Mamak agak lama melihat mukaku dan bilamana Mamak benar-benar pasti aku *adalah Cumbi*, aku lihat Mamak tersenyum (b 19, h. 260.22)

14a. Mamak agak lama melihat mukaku dan bilamana Mamak benar-benar pasti aku *ialah Cumbi*, aku lihat Mamak tersenyum

3.9 PENYIMPANGAN KATA BILANGAN

Kata *bilangan* ialah jumlah perkataan yang menjadi penerang jumlah pada frasa nama. Kata *bilangan* dapat dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut ciri makna,³⁶ iaitu

- a) Kata *bilangan* yang menunjukkan jumlah yang tentu sifatnya yang disebut *bilangan kardinal* seperti dua, tiga puluh, lima ratus, lima ribu, dan sepuluh juta.
- b) Kata *bilangan* yang menunjukkan bilangan tak tentu. Contohnya : semua, sekalian, banyak, sedikit, dan beberapa.
- c) Kata *bilangan* yang membawa maksud himpunan. Contohnya : beratus-ratus, kedua-dua, beribu-ribu dan berabad-abad.
- d) Kata *bilangan* yang membawa maksud pisahan. Contohnya : masing-masing,

³⁶ *Ibid.* Hlm. 272-274.

setiap dan tiap-tiap.

- e) Kata bilangan yang membawa maksud pecahan. Contohnya : setengah, seperdua, separuh, dua per tiga, dan seper empat.

Jadual 3.9: Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Kata Bilangan

Novel Bentuk Penyimpangan	Tok Guru	
	Kekerapan	Peratus
Kata Pemerl	8	3.61
Jumlah	8	100%

Yang berikut merupakan penyimpangan penggunaan kata bilangan yang dapat dikesan :

1. Aku sempat melihat wajah Mamak dan Mamak dalam tadahan *kedua belah* tangan itu tersenyum dan menganggukkan kepala tiga kali. (b 10, h. 92.15)
- 1a. Aku sempat melihat wajah Mamak dan Mamak dalam tadahan *kedua-dua belah* tangan itu tersenyum dan menganggukkan kepala tiga kali.

2. Dan bila aku memegang *kedua belah* tapak tangan Mamak, (b 10, h. 93.19)

2a. Dan bila aku memegang *kedua-dua belah* tapak tangan Mamak,

3. Dia membuka tirai mukanya dan kemudian membuka sarung tangannya *kedua belah*. (b 10, h. 108.31)

3a. Dia membuka tirai mukanya dan kemudian membuka sarung tangannya *kedua-dua belah*.

4. Mami kemudian menghulur *kedua belah* tangannya ke muka aku dan Mami usap mukaku. (b 19, h. 232.29)

4a. Mami kemudian menghulur *kedua-dua belah* tangannya ke muka aku dan Mami usap mukaku.

5. Beberapa kali aku pejam celiknya *kedua belah* mataku (b 19, h. 245.15)

5a. Beberapa kali aku pejam celiknya *kedua-dua belah* mataku

6. Terasa mahu menjolok mata hitam itu supaya bengkak *kedua belahnya* (b 19, h. 245.19)

6a. Terasa mahu menjolok mata hitam itu supaya bengkak *kedua-dua belahnya*

7. Dan bila aku membuka *kedua belah* mataku, ternyata kegelapan yang kelihatan. (b 19, h. 246.22)

7a. Dan bila aku membuka *kedua-dua belah* mataku, ternyata kegelapan yang kelihatan.

3. Tiba-tiba dari dalam kelopak mata *kedua belah* itu mengalir turun beberapa titik air yang tidak dapat lagi aku halangkan. (b 19, h. 247.8)

3a. Tiba-tiba dari dalam kelopak mata *kedua-dua belah* itu mengalir turun beberapa titik air yang tidak dapat lagi aku halangkan.

3.10 PENYIMPANGAN KATA ADJEKTIF DARJAH PENGHABISAN

Penggunaan kata *adjektif* dalam darjah penghabisan dapat dilakukan mengikut cara-cara yang berikut :

- (i) Se- + kata adjektif + gandaan + kata nama
- (ii) Ter- + kata adjektif
- (iii) Paling + kata adjektif
- (iv) Kata adjektif + sekali
- (v) Ter- + amat/sangat + kata adjektif
- (vi) Amat/sungguh/sangat + kata adjektif + sekali ³⁷

³⁷ *Ibid.* Hlm. 231.

Jadual 3.10: Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Kata Adjektif Darjah Penghabisan

Novel Bentuk Penyimpangan	Tok Guru	
	Kekerapan	Peratus
Kata Pemerl	2	0.88
Jumlah	2	100%

Yang berikut merupakan penyimpangan penggunaan darjah penghabisan kata adjektif yang dapat dikesan :

1. Aku dapat merasakan *keindahan yang amat sangat* bila berdiri menyembah Allah itu. (b 10, h. 113.4)

1a. Aku dapat merasakan *keindahan yang amat apabila* berdiri menyembah Allah itu.

2. Setelah selesai aku menulis surat itu, aku baca kembali dan kudapati *pelik yang amat sangat* kerana aku rasa aku cuba menghuraikan sesuatu yang aku sendiri pun masih belum tahu. (b 10,h. 121.2)

2a. Setelah selesai aku menulis surat itu, aku baca kembali dan kudapati *pelik yang amat* kerana aku rasa aku cuba menghuraikan sesuatu yang aku sendiri pun masih belum tahu.

3.11 PENYIMPANGAN STRUKTUR D-M

Istilah ini diperkenalkan oleh Prof. Sutan Takdir Alisjahbana dalam buku beliau *Tatabahasa Baru Bahasa Melayu/Indonesia*. *Hukum DM* ialah ciri atau sifat susunan kata dalam bahasa Melayu yang berbeza daripada sifat susunan kata dalam bahasa Inggeris. Jika dalam bahasa Inggeris penerang (*modifier*) mendahului kata utamanya (*head*), maka dalam bahasa Melayu sebaliknya pula. Oleh sebab itulah dalam bahasa Melayu *big house* disebut *rumah besar* dan bukan *besar rumah*, *other words* disebut *kata lain* bukan *lain-lain kata*. Tetapi secara tidak disedari, susunan kata dalam bahasa Melayu sekarang banyak yang terpengaruh oleh susunan kata dalam bahasa Inggeris.³⁸ *Hukum DM* bermaksud diterangkan (D) dan menerangkan (M). Menurut hukum ini unsur yang diterangkan hendaklah mendahului unsur penerang dan hukum ini tidak boleh diterbalikkan sebagaimana sistem dalam bahasa Inggeris.³⁹

³⁸ Awang Sariyan. *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Hlm. 19.

³⁹ Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd Saleeh Rahamad. 1999. *Panduan Nahu dan Retorik Untuk Penulisan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. Hlm. 81.

Jadual 3.11: Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Struktur D-M

Novel Bentuk Penyimpangan	Tok Guru	
	Kekerapan	Peratus
Kata Pemerl	1	0.44
Jumlah	1	100%

Bentuk-bentuk penyimpangan hukum *DM* adalah seperti yang berikut :

1. Tulang-tulang ikan dihimpun di tepi talam, tapi *di lain tempat* kami menyapu hingga licin. (b 19, h. 262.14)
- 1a. Tulang-tulang ikan dihimpun di tepi talam, tapi *di tempat lain* kami menyapu hingga licin.

3.12 PENYIMPANGAN SINTAKSIS

Dalam penyimpangan sintaksis, terdapat beberapa penyimpangan yang dikategorikan sebagai penyimpangan sintaksis. Bagi Abdul Hamid Mahmood, beliau telah mengemukakan tujuh jenis kesalahan yang dikategorikan sebagai penyimpangan sintaksis. Jenis kesalahan tersebut adalah seperti yang berikut :

- i) ayat tergantung, kerana tiada subjek
- ii) ayat tergantung, kerana tiada predikat
- iii) ayat yang kata kerjanya menggunakan imbuhan yang salah
- iv) ayat yang menggunakan kata majmuk yang salah
- v) ayat yang menggunakan kata atau istilah yang tidak sesuai
- vi) ayat yang menggunakan tanda bacaan yang tidak sesuai
- vii) ayat pasif yang tidak mengikut struktur pasif bahasa Melayu ⁴⁰

Awang Sariyan pula telah membahagikan tiga kesalahan yang dikategorikan sebagai penyimpangan sintaksis. Bentuk-bentuk kesalahan tersebut adalah seperti yang berikut :

- i) kata kerja transitif + frasa nama (objek)
- ii) ikatan pelaku dengan kata kerja pasif
- iii) subjek + predikat ⁴¹

Dahnil Adnani pula dalam menganalisis kesalahan ayat dalam penulisan akademik telah mengkategorikan 10 jenis kesalahan. Kesalahan itu adalah seperti yang berikut :

- i) Bentuk yang digunakan kurang tepat bagi makna yang dimaksudkan.

⁴⁰ Abdul Hamid Mahmood. 1993. *Betulkan Kesalahan Bahasa Anda*. Kuala Lumpur : Ensimal (M) Sdn. Bhd.. Hlm. 76.

⁴¹ Awang Sariyan. *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Hlm. 39-51.

- i) Penjodohan sesuatu bentuk dengan sesuatu bentuk lain yang tidak serasi dengannya.
- ii) Penempatan bentuk tidak mengikut urutan yang betul.
- iv) Penggabungan bentuk yang tidak setaraf.
- v) Penambahan bentuk yang tidak diperlukan.
- vi) Kesalahan penggunaan struktur pasif.
- vii) Ketiadaan bahagian yang wajib ada.
- viii) Kesalahan bentuk klausa benda.
- x) Kesalahan konstruksi relatif.
- x) Bentuk tidak sesuai dengan fungsi.⁴²

Nuwairi Hj. Khazaai dalam kajiannya tentang kesalahan bahasa dalam surat rasmi menyenaraikan 5 aspek kesalahan ayat. Kesalahan itu adalah seperti yang berikut :

- i) Ayat yang sama ada tidak bersubjek atau tidak berobjek.
- ii) Ayat yang tidak mempunyai kata preposisi yang betul.
- iii) Ayat yang tidak sesuai dengan gaya bahasa Melayu.
- iv) Ayat yang tidak diberi tanda bacaan yang betul.
- v) Ayat yang menggunakan perkataan asing sewenang-wenangnya.⁴³

⁴² Dahnil Adnan. 1987. "Kesalahan Ayat Dalam Penulisan Akademik". Dalam Abdullah Hassan et al. *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 251-252.

⁴³ Nuwairi Hj. Khazaai. 1993. *Beberapa Bentuk Kesalahan Dalam Surat Rasmi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 47.

Berdasarkan kategori penyimpangan sintaksis yang telah dikemukakan di atas, berikut disenaraikan penyimpangan sintaksis yang ditemui dalam kajian ini.

- i. Ayat yang kata kerja transitifnya tidak diikuti oleh objek (frasa atau kata nama).
- ii. Ayat yang mengalami lebih daripada satu kesalahan bahasa.
- iii. Ayat yang struktur atau binaannya tidak mengikut struktur bahasa Melayu.
- iv. Ayat yang mengandungi kesalahan lain.

Jadual 3.12: Kekerapan dan Peratus Penyimpangan Sintaksis

<div>Novel</div> <div>Bentuk Penyimpangan</div>	Tok Guru	
	Kekerapan	Peratus
i) Penggunaan KKT tanpa objek	11	22.92
ii) Terdapat dua kesalahan bahasa atau lebih	26	54.17
iii) Ayat tiada subjek atau predikat	7	14.58
iv) Ayat yang mengandungi kesalahan lain	4	8.33
Jumlah	48	100%

Sebelum dikemukakan hasil dapatan mengenai penyimpangan sintaksis, dijelaskan beberapa konsep yang melibatkan penyimpangan sintaksis dalam kajian ini, kemudian diikuti dengan dapatan kajian.

3.12.1 AYAT YANG MENGGUNAKAN KATA KERJA TRANSITIF TANPA DIIKUTI OBJEK

Kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja. Frasa kerja terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai beberapa unsur lain, seperti kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplen, dan keterangan. Kata kerja sebagai satu golongan kata boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu

- a) kata kerja tak transitif
- b) kata kerja transitif

Kata kerja transitif ialah kata kerja yang mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya.⁴⁴ Kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya. Kata kerja tak transitif dibahagikan kepada dua subgolongan, iaitu

- i) kata kerja tak transitif tanpa pelengkap
- ii) kata kerja tak transitif berpelengkap

Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap ialah kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut. Kata kerja tak transitif berpelengkap ialah kata kerja yang mesti diikuti oleh pelengkap untuk menyempurnakan maksud

⁴⁴ Nik Safiah Karim *et al.* *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 143.

ayat.⁴⁵ Berdasarkan penjelasan di atas, di bawah ini disenaraikan dapatan penyimpangan sintaksis kategori di atas.

L. Mami yang *memberitahu*. (b 10, h. 92.1)

Ayat 1 di atas merupakan ayat tunggal. Binaan konstituennya terdiri daripada satu subjek dan satu predikat dan kedudukan subjek dan predikatnya adalah dalam susunan biasa, iaitu kedudukan konstituen subjek adalah di hadapan konstituen predikat (Subjek + Predikat).⁴⁶


Ayat di atas tidak gramatis disebabkan KK yang digunakan dalam ayat di atas ialah KKT, iaitu KK *memberitahu* tidak mempunyai objek yang berupa KN. Menurut *Tatabahasa Dewan*, FN sebagai objek boleh digugurkan dalam kedudukan selepas KKT yang membawa makna *adjektif*. Antara kata sedemikian, termasuklah *memilukan*, *mendukacitakan*, *menakjubkan*, dan *menghairankan*. Semua KK di atas menggambarkan perasaan tertentu.⁴⁷ Dengan ini, KK *memberitahu* tidak boleh digugurkan objeknya kerana kata *memberitahu* merupakan KK dan bukannya membawa makna adjektif. Rajah pohon bagi menerbitkan ayat 1 adalah seperti yang berikut :

⁴⁵ *Ibid.* Hlm. 140-141.

⁴⁶ Nik Safiah Karim *et al.* *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 456.

⁴⁷ *Ibid.* Hlm. 525-526.

Rajah pohon 1a.




2. Mirasa dan Mumdas pun *tentu sudah melihat*. (b 10, h. 96.11)

Ayat 2 di atas tidak gramatis kerana konstituen predikat ayat itu menggunakan KKT, iaitu *melihat* tetapi tidak diikuti dengan objek yang berupa FN selepas KKT. Oleh itu, ayat 2 dapat dibetulkan dengan meletakkan sebarang objek yang sesuai selepas KKT *melihat*. Setelah dibetulkan, ayat 2 akan berubah menjadi ayat seperti yang berikut :


Mirasa dan Mumdas pun tentu sudah melihat [sesuatu].

Rajah pohon 2a di bawah menunjukkan proses transformasi yang berlaku dalam pembentukan ayat 2.

Rajah pohon 2a.



Rajah pohon 2b.



Berdasarkan rajah pohon 2a dan 2b di atas, beberapa proses transformasi telah berlaku dalam menerbitkan ayat tersebut. Berlaku proses pengguguran FK predikat dalam ayat tunggal (i) kerana mempunyai predikat yang sama dengan

ayat tunggal (ii). Ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) digabungkan dengan menggunakan kata hubung gabungan, iaitu *dan*.

3. Kemudian aku mendengar Tok Guru *menyebut dalam bahasa Arab*, entah istilah apa. (b 10, h. 107.7)


Ayat 3 ialah ayat majmuk yang terbina daripada 2 ayat tunggal. Kedua-dua ayat tunggal itu ialah

- i) Aku mendengar Tok Guru menyebut [sesuatu] dalam bahasa Arab.
- ii) Istilah itu entah istilah apa.


Kedua-dua ayat tunggal di atas digabungkan untuk membentuk ayat majmuk.

Rajah pohon bagi kedua-dua ayat tunggal itu adalah seperti yang berikut :

Rajah pohon 3a.




Rajah pohon 3b.



Ayat majmuk di atas tidak gramatis kerana konstituen predikatnya menggunakan KKT, iaitu *menyebut* tetapi tidak diikuti oleh objek yang berupa FN. Ayat itu dapat dibetulkan dengan meletakkan sebarang objek yang sesuai sebelum KKT. Dengan itu, ayat yang betulnya adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon 3c di bawah.

Rajah pohon 3c.



Dalam rajah pohon 3c di atas, kedua-dua ayat tunggal itu telah digabungkan untuk membentuk *ayat majmuk gabungan* dengan menggunakan tanda *koma* bagi menggantikan subjek ayat tunggal (ii) (istilah itu). Proses *pendepanan sebahagian predikat* berlaku apabila kata *kemudian* dibawa ke hadapan subjek ayat tunggal i. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

*Kemudian aku mendengar Tok Guru menyebut [sesuatu] dalam bahasa Arab
entah istilah apa.*

4. Pernah Tok Guru menyebut tentang hati yang kacau dalam satu majlis kami terutama hati anak-anak muda yang suka merayau perasaannya. (b 10, h. 122.3)

Ayat 4 tidak gramatis. Penyimpangan berlaku kerana penggunaan KKT yang tidak diikuti oleh objek (FN). KK yang dimaksudkan ialah kata *menyebut*. Kata yang mengikuti kata *menyebut*, iaitu *tentang* bukanlah objek, malahan berupa kata tugas sahaja. Apabila digugurkan kata *tentang*, maka selepas KK *menyebut* diikuti oleh kata *hati* yang boleh berfungsi sebagai objek bagi KK *menyebut*. Ayat 4 setelah dibetulkan akan menjadi ayat di bawah :

Pernah Tok Guru menyebut hati yang kacau dalam satu majlis kami terutama hati anak-anak muda yang suka merayau perasaannya.


Ayat di atas merupakan ayat majmuk pancangan relatif yang telah mengalami proses *pendepanan sebahagian predikat*. Pecahan ayat induk dan ayat kecilnya adalah seperti yang berikut :

- i. Ayat induk : Tok Guru pernah menyebut hati yang kacau dalam satu majlis kami terutama hati anak-anak muda.
- ii. Ayat kecil : Hati anak-anak muda itu suka merayau perasaannya.


Melalui proses transformasi, ayat kecil dipancarkan ke dalam ayat induk melalui proses *relativisasi*, iaitu *subjek ayat kecil (Hati anak-anak muda)* digugurkan dan digantikan dengan penanda relatif *yang*. Proses relativisasi

mbolehkan ayat kecil dipancarkan ke dalam ayat induk. Proses *pendepanan sebahagian predikat* pula berlaku apabila kata bantu *pernah* pada awalnya berada pada predikat ayat dibawa ke hadapan subjek ayat induk. Proses transformasi yang berlaku ditunjukkan dalam rajah pohon 4a di bawah.


Rajah pohon 4a.



Rajah pohon 4b.



Rajah pohon 4c.




5. Aku pandai membaca. (b 19, h. 228.6)

Penyimpangan sintaksis yang ketara dilakukan di sini ialah penggunaan KKT yang tidak diikuti oleh objek. Dalam ayat di atas, KK *membaca* tidak menerima sebarang unsur FN. Menurut konteks ayat, objek yang sesuai untuk KK ini ialah *buku*. Ayat ini akan menjadi gramatis dan betul apabila diletakkan objek selepas KKT membaca. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Aku pandai membaca [buku].

Binaan ayat di atas terdiri daripada satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat. Berdasarkan binaannya, ayat ini ialah *ayat tunggal* ataupun *ayat aktif transitif*. Rajah pohonnya adalah seperti di bawah :

Rajah pohon 5a.



6.Tapi mengapa Mami masih *merujuk kepada Tok Guru*. (b 19, h.234.21)


Dalam ayat 6, kesalahan sintaksis yang dikesan ialah penggunaan KKT, iaitu kata *merujuk* yang diikuti kata sendi *kepada*. Sebagai KKT, *merujuk* mesti diikuti dengan objek yang berupa KN atau FN. Jadi, untuk membetulkan ayat di atas, kata sendi *kepada* mesti digugurkan tanpa digantikan dengan perkataan lain.

Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Tapi mengapa Mami masih merujuk Tok Guru.

Ayat di atas ialah ayat tunggal yang telah mengalami proses transformasi, iaitu proses *pendepanan sebahagian predikat*. Proses transformasi tersebut ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah.

Rajah pohon 6a.




7. Aku tidak membantah. (b 19, h. 238.21)

Kesalahan yang ada dalam ayat 7 ialah penggunaan kata *membantah* dalam ayat di atas berfungsi sebagai KKT. Tetapi kata *membantah* tidak diikuti oleh objek. Objek yang sesuai menurut konteks cerita ialah *keputusan*. Ayat yang betul ialah

Aku tidak membantah keputusan itu.

Rajah pohonnya adalah seperti yang berikut :

Rajah pohon 7a.



8. Bukan saja Mami sanggup bermadu tapi juga sanggup mencari sendiri madu-madunya. (b 19, h. 243.22)

Ayat 8 tidak gramatis kerana menggunakan KKT tetapi tidak diikuti oleh objek. Dalam ayat ini, KK *mencari* ialah KKT tetapi selepas kata tersebut diikuti oleh kata *sendiri*, iaitu kata tugas. Oleh itu, ayat 8 boleh dibetulkan dengan meletakkan kata *sendiri* selepas kata *madu-madunya* dan kata *madu-madunya* diletakkan selepas KKT *mencari* yang berfungsi sebagai objek. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :


Bukan saja Mami sanggup bermadu tapi juga sanggup mencari madu-madunya sendiri.

Binaan ayat 8, sebenarnya terbina daripada dua ayat tunggal yang menjadi konstituen ayat majmuk gabungan. Ayat tunggal tersebut ialah

- i) Mami bukan saja sanggup bermadu.
- ii) Mami juga sanggup mencari madu-madunya sendiri.

Kedua-dua ayat tunggal di atas digabungkan lalu membentuk ayat majmuk gabungan seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon 8a di bawah :


Rajah pohon 8a.



Berdasarkan rajah pohon di atas, berlaku *pengguguran FN subjek* dalam ayat tunggal (ii) disebabkan FN subjek dalam ayat tunggal (ii) sama dengan subjek ayat (i). Pengguguran FN subjek ini digantikan oleh kata hubung gabungan, iaitu *tapi*.

Proses transformasi yang berlaku seterusnya pada ayat 8 ialah proses *pendepanan sebahagian daripada predikat*, iaitu frasa *bukan saja* dalam ayat tunggal (i) dibawa ke hadapan konstituen subjek. Rajah pohon struktur permukaan ayat 8b adalah seperti yang berikut :

Rajah pohon 8b.



9. Aku sempat *menyapu dengan belakang* tangan kanan tapi air semakin banyak juga. (b 19, h. 247.12)

Ayat 9 tidak gramatis kerana menggunakan KKT tetapi tidak diikuti oleh frasa nama sebagai objek. Dalam ayat ini, kata *menyapu* ialah KKT dan selepas kata tersebut ialah kata *dengan* yang merupakan kata sendi nama. Untuk membetulkan ayat ini, KKT *menyapu* semestinya diletakkan dengan kata nama atau frasa nama sebagai objek. Menurut konteks novel, kata nama yang tepat yang berfungsi sebagai objek ialah kata *muka*. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :


Aku sempat menyapu muka dengan belakang tangan kanan tapi air semakin banyak juga.

Ayat di atas terbina daripada dua konstituen ayat tunggal. Kedua-dua ayat tunggal itu adalah seperti yang berikut :

- i) Aku sempat menyapu (muka) dengan belakang tangan kanan.
- ii) Air semakin banyak juga.

Kedua-dua ayat tunggal di atas telah mengalami proses transformasi tertentu, iaitu proses *penggabungan* ayat tunggal (i) dengan ayat tunggal (ii) dengan menggunakan kata hubung gabungan *tetapi* sehingga membentuk ayat 9. Rajah pohonnya adalah seperti yang berikut :

Rajah pohon 9a.




10. Mamak Alipiche pun tidak berkunjung melamar sampai sekarang. (b 19, h. 250.12)

Ayat 10 tidak gramatis kerana menggunakan KKT tetapi tidak diikuti oleh objek. Dalam ayat ini, kata *melamar* ialah KKT dan selepas kata *melamar* diikuti oleh kata *sampai* yang berfungsi sebagai *kata tugas*. Oleh itu, selepas kata *melamar* mesti diikuti oleh kata atau frasa nama yang berfungsi sebagai objek. Menurut konteks novel, objek kata nama yang sesuai ialah *aku*. Ayat 10 akan menjadi ayat yang betul jika diubah menjadi ayat di bawah :

Mamak Alipiche pun tidak berkunjung melamar aku sampai sekarang.

Ayat 10 di atas terdiri daripada satu ayat tunggal yang menjadi konstituen ayat tersebut. Rajah pohon 10a menunjukkan proses pembentukan ayat tersebut.

Rajah pohon 10a.



11. Tulang-tulang ikan dihimpun di tepi talam, tapi di tempat lain kami menyapu hingga licin. (b 19, h. 262.13)

Ayat 11 pula mengalami penyimpangan sintaksis kerana menggunakan KKT transitif tetapi tidak diikuti oleh objek. Dalam ayat di atas, KKT yang dimaksudkan ialah kata *menyapu*. Dalam ayat itu, selepas kata *menyapu* diikuti oleh KT *hingga*. Oleh sebab itulah penggunaan KKT di atas tidak betul. Ayat 11 boleh dibetulkan menjadi ayat di bawah :

Tulang-tulang ikan dihimpun di tepi talam, tapi di tempat lain kami menyapu makanan (objek) hingga licin.


Ayat di atas ialah ayat majmuk yang terbina daripada gabungan 2 ayat tunggal.

Kedua-dua ayat tunggal itu ialah

- i) Tulang-tulang ikan dihimpun di tepi talam.
- ii) Kami menyapu makanan hingga licin di tempat lain.

Kedua-dua ayat tunggal di atas kemudiannya mengalami proses transformasi, iaitu *proses penggabungan* yang melibatkan penggunaan kata hubung gabungan, iaitu *tapi*. Dalam proses transformasi ini juga berlaku *pendepanan unsur keterangan*, iaitu *di tempat lain* dibawa ke hadapan subjek ayat tunggal (ii). Rajah pohon 11a menunjukkan proses transformasi yang berlaku dalam ayat tersebut.

Rajah pohon 11a.



3.12.2 AYAT YANG MEMPUNYAI DUA KESALAHAN ATAU LEBIH

Dalam kategori ini, ayat yang mempunyai dua kesalahan bahasa dan lebih dimasukkan sebagai melakukan penyimpangan sintaksis. Dalam satu binaan ayat, terdapat dua kesalahan atau penyimpangan bahasa seperti yang berikut :

- i) imbuhan + kata sendi nama
- ii) imbuhan + kata tugas
- iii) imbuhan + kata kerja transitif
- iv) imbuhan + golongan kata
- v) kata sendi nama + golongan kata

. Saf mesti dijaga kerana *dari saflah* akan *membawa kepada ikatan kasih sayang* dalam keluarga, kampung, masyarakat dan seterusnya. (b 10, h. 112.

23)

ayat di atas menyimpang dari segi sintaksis kerana tiada objek selepas KKT *membawa*. Dalam ayat itu, selepas KKT *membawa* diikuti oleh kata sendi *kepada*. Penggunaan kata sendi nama *dari* dalam ayat 1 juga tidak betul. Kata *dari* hendaklah ditukarkan menjadi *daripada*. Untuk membetulkan ayat 1, kata *kepada* yang hadir selepas KKT itu hendaklah digugurkan saja. Dengan itu, wujudlah ayat yang betul, iaitu


Saf mesti dijaga kerana daripada saflah akan membawa ikatan kasih sayang dalam keluarga, kampung, masyarakat, dan seterusnya.

Dalam ayat 1, binaan ayat majmuk ini terdiri daripada 1 ayat tunggal yang menjadi konstituen ayat ini dan ayat-ayat tunggal itu ialah


- i) Saf mesti dijaga.
- ii) Saf membawa ikatan kasih sayang dalam keluarga.
- iv) Saf membawa ikatan kasih sayang dalam kampung.
- v) Saf membawa ikatan kasih sayang dalam masyarakat.
- vi) Saf membawa ikatan kasih sayang dalam seterusnya.

Kelima-lima ayat tunggal di atas digabungkan dengan cara yang tersendiri untuk membentuk ayat majmuk. Rajah pohon bagi setiap ayat tunggal di atas adalah seperti yang berikut :


Rajah pohon 1a.




Rajah pohon 1b.




Rajah pohon 1c.



Rajah pohon 1d.




Rajah pohon 1e.



Kesemua ayat tunggal ini kemudiannya digabungkan melalui proses transformasi tertentu dan mewujudkan ayat seperti rajah 1f di bawah.

Rajah pohon 1f.



2. Malam-malam yang lain pun aku akan tadah seorang diri. (b 19, h. 228.5)

Ayat ini tidak gramatis. Terdapat 2 kesalahan bahasa yang dikesan. Pertama, kata *tadah* dalam ayat di atas ialah KK yang tidak boleh berdiri sendiri sekiranya

tidak dikenakan dengan imbuhan KK, yaitu *me-*. Oleh itu, *me- + tadah = menadah* yang bermaksud mengangkat dan menelentangkan kedua-dua belah tapak tangan.⁴⁸

Selain itu, KK *menadah* ialah KKT yang mesti diikuti oleh objek. Dalam ayat 2, selepas KK *menadah* ialah kata *seorang diri* yang bukannya berfungsi sebagai objek. Menurut konteks ayat, objek yang sesuai bagi KK *menadah* ialah *tangan*. Ayat yang betul ialah

Malam-malam yang lain pun aku menadah tangan seorang diri.

Ayat di atas ialah ayat tunggal. Walau bagaimanapun, ayat ini telah mengalami perubahan atau mengalami proses transformasi. Proses transformasi yang dimaksudkan ialah *proses pendepanan frasa keterangannya*. Ayat di atas sebenarnya terbit daripada ayat yang berikut :


- i. Ayat induk : Aku menadah tangan seorang diri.
- ii. Frasa keterangan : pada malam-malam yang lain pun.

Berpandukan ayat di atas, ayat majmuk ini terbentuk daripada gabungan ayat induk dengan frasa keterangan. *Frasa keterangan* dipancarkan ke dalam *ayat induk* untuk membentuk *ayat majmuk pancangan keterangan*. Ayat asalnya ialah *Aku akan menadah tangan seorang diri pada malam-malam yang lain pun*. Kemudian, *frasa keterangan* ini telah mengalami proses *pendepanan*, iaitu

⁴⁸ *Kamus Dewan*. Hlm. 1339.

dibawa ke hadapan subjek ayat induk. Rajah pohon di bawah menunjukkan proses transformasi yang terlibat dalam menerbitkan ayat 2.

Rajah pohon 2a.



3. Biar Mamak paksa dan Mamak akan tahulah akibatnya. (b 19, h. 230.27)

Bagi ayat 3, terdapat 2 penyimpangan yang berlaku, iaitu penyimpangan imbuhan dan penggunaan KKT tanpa objek. Menurut konteks ayat, kata *paksa* yang digunakan sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan KK *me-* agar membentuk KKT. Seterusnya kata *memaksa* yang berfungsi sebagai KKT tidak menerima objek selepasnya. Objek yang sesuai digunakan ialah *aku*. Setelah dibetulkan, ayat di atas akan menjadi ayat berikut :


Biar Mamak memaksa aku dan Mamak akan tahulah akibatnya.

Dalam ayat di atas, binaan ayat ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang menjadi konstituen ayat di atas, iaitu

- i) Biar Mamak memaksa aku.
- ii) Mamak akan tahulah akibatnya.

Kedua-dua ayat tunggal ini digabungkan untuk menjadi *ayat majmuk gabungan* dan struktur dalaman ayat ini ditunjukkan seperti dalam rajah pohon 3a di bawah :

Rajah pohon 3a.



Dalam binaan ayat di atas, tidak berlaku sebarang pengguguran sama ada pada konstituen subjek atau konstituen predikat kerana kedua-dua konstituen subjek dan predikat mempunyai unsur yang tidak sama.

4. ... tanah gersang dan tandus yang tidak akan boleh tumbuh apa jenis benih sekalipun. (b19, h. 234.4)

Dalam ayat 4, terdapat 2 kesalahan. Pertama, kata *tumbuh* dalam ayat ini tidak betul penggunaannya. Kata *tumbuh* sepatutnya diimbuh dengan imbuhan apitan di ... *i*. Dengan itu, di + *tumbuh* + *i* = *ditumbuhi* yang bermaksud tumbuh, (hidup). Kedua, kata tanya *apa* tidak sesuai penggunaannya dalam ayat ini. Kata tanya *apa* hanya digunakan untuk menerbitkan *ayat tanya*. Kata *apa* hendaklah digandakan menjadi *apa-apa* yang maknanya *segala apa atau segala sesuatu*.⁴⁹

Setelah dibetulkan, ayat 4 akan menjadi ayat yang berikut :

... tanah gersang dan tandus yang tidak akan boleh ditumbuhi apa-apa benih sekalipun.


Ayat 4 merupakan ayat majmuk yang terdiri daripada 2 ayat tunggal, iaitu

- i) Tanah gersang yang tidak akan boleh ditumbuhi apa-apa jenis benih sekalipun.
- ii) Tanah tandus yang tidak akan boleh ditumbuhi apa-apa jenis benih sekalipun.

Kedua-dua ayat tunggal di atas, kemudiannya digabungkan lalu membentuk *ayat majmuk gabungan* dengan menggunakan kata hubung gabungan *dan*. Struktur dalaman ayat ini ditunjukkan dalam rajah pohon 4a di bawah.

⁴⁹ Ibid. Hlm. 57.

Rajah pohon 4a.



5. Dia selalu kerling kepada aku bila selesai memberi salam. (b 19, h. 235.21)

Dalam ayat 5, terdapat empat kesalahan bahasa yang dikesan. Pertama, kata *kerling* dalam ayat ini berfungsi sebagai KKT. Oleh itu, kata *kerling* sepatutnya diikuti FN objek. Tetapi dalam ayat di atas, kata *kerling* diikuti dengan kata sendi, *kepada*. Dalam konteks ini, kata sendi *kepada* boleh digugurkan. Penyimpangan kedua ialah KK *kerling* perlu dikenakan imbuhan KK *me-*. Oleh sebab huruf pertama pada kata dasar *kerling* bermula dengan fonem *k*, maka berlaku *proses peleburan fonem*, iaitu *k* berubah menjadi *ng*. Penyimpangan

ketiga ialah kesalahan menggunakan sendi nama tanya *bila*. Kata *bila* ialah kata yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu.⁵⁰ Untuk berfungsi sebagai kata tugas, kata *bila* seharusnya digantikan dengan kata *apabila*. Kata *bila* bukanlah singkatan bagi kata *apabila*. Kesalahan keempat melibatkan penggunaan KK *memberi*. Dalam konteks ayat di atas, KK *memberi* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan apitan *mem- ... -kan*. Setelah dibetulkan, ayat di atas menjadi ayat berikut :

Dia selalu mengerling aku apabila selesai memberikan salam.

Ayat di atas ialah ayat majmuk yang telah mengalami perubahan. Perubahan yang dimaksudkan ialah predikat ayat ini menerima *frasa keterangan*. Ayat dasarnya ialah


- i. Dia selalu mengerling aku.
- ii. Dia selesai memberikan salam. (Ayat keterangan)

Kedua-dua ayat di atas kemudiannya dipancarkan, iaitu kata keterangan yang berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada satu klausa utama untuk membentuk ayat majmuk pancangan keterangan.⁵¹ Subjek ayat keterangan, iaitu *dia* digugurkan dan digantikan dengan kata *apabila*. Rajah pohon di bawah menunjukkan proses transformasi tersebut.

⁵⁰ Nik Safiah Karim *et al.* *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 243.

⁵¹ *Ibid.* Hlm. 241.

Rajah pohon 5a.



6. Allah *humbankan* juga masuk ke dalam neraka. (b 19, h. 252.1)


Terdapat 2 kesalahan bahasa dalam ayat 6. Kata *humbankan* tidak betul imbuhan. KK *humbankan* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan *meng-*. Dengan itu, *meng- + humbankan = menghumbankan* . KK *menghumbankan* merupakan KKT yang memerlukan kehadiran objek selepas KKT tersebut. Dalam ayat 6, selepas KKT *menghumbankan* ialah kata *juga*, iaitu kata penegas⁵² dan bukannya *FN objek*. Jadi, objek mesti diletakkan selepas KKT *menghumbankan*. Ayat 6 setelah dibetulkan akan menjadi ayat yang berikut :

Allah menghumbankan [seseorang] juga masuk ke dalam neraka.

⁵² Ibid. Hlm. 248.

Ayat di atas ialah ayat tunggal yang juga telah mengalami proses transformasi tertentu seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah.

Rajah pohon 6a.



7. Mereka tidak membantah kerana kalau banyak ahli keluarga dalam satu jemaah dan kuat pula amalkan syariat, semua kerja menjadi. (b 19, h. 241.1)

Terdapat 2 bentuk kesalahan dalam ayat 7. Kata *membantah* menurut konteks ayat ini berfungsi sebagai KKT. Oleh itu, selepas kata *membantah* mesti diikuti oleh objek. Kata *amalkan* pula sepatutnya menerima imbuhan KK *meng-* = *mengamalkan*. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :


Mereka tidak membantah [sesuatu] kerana kalau banyak ahli keluarga dalam satu jemaah dan kuat pula mengamalkan syariat, semua kerja menjadi.

Ayat 7 terdiri daripada empat komponen ayat tunggal. Ayat tunggal tersebut ialah

- i) Mereka tidak membantah [sesuatu].
- ii) Banyak ahli keluarga dalam satu jemaah.
- iii) Ahli keluarga kuat mengamalkan syariat.
- iv) Semua kerja menjadi.

Keempat-empat ayat tunggal di atas digabungkan lalu membentuk ayat majmuk seperti dalam rajah pohon 7a.

Rajah pohon 7a.



Dalam binaan ayat di atas, berlaku *pengguguran FN subjek* dalam ayat ketiga disebabkan subjek ayat ketiga sama dengan subjek ayat kedua. Pengguguran subjek ini digantikan dengan kata hubung gabungan *dan*.

8. Dan bila berada dalam bilik, segala rahsia terbongkar. (b 19, h. 258.5)

Ayat di atas tidak gramatis kerana terdapat dua kesalahan bahasa. Kesalahan pertama melibatkan penggunaan kata *bila*. Telah dijelaskan terdahulu, kata *bila* tergolong dalam golongan kata tanya atau kata ganti nama pertanyaan.⁵³ Dalam ayat di atas, kata *bila* bukan berfungsi sebagai kata tanya. Oleh itu, kata *bila* wajar ditukarkan dengan kata penghubung *apabila*. Kesalahan kedua melibatkan penggunaan kata sendi *di*. Dalam ayat di atas, frasa *berada dalam bilik* tidak gramatis kerana mengabaikan penggunaan KSN *di*. Frasa itu sepatutnya menjadi *berada di dalam bilik*. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Dan apabila berada di dalam bilik, segala rahsia terbongkar.

Ayat di atas terbina daripada dua konstituen ayat tunggal, iaitu


- i. Ayat induk : Segala rahsia itu terbongkar.
- ii. Ayat kecil : Rahsia itu berada di dalam bilik.

Kedua-dua ayat tunggal di atas mengalami proses transformasi, iaitu proses *pemancangan ayat kecil* ke dalam ayat induk dan kedua, proses *pendepanan*

⁵³ *Ibid.* Hlm. 243.

frasa keterangan (ayat kecil) yang dibawa ke hadapan predikat ayat induk. Rajah pohon di bawah menunjukkan proses transformasi tersebut.

Rajah pohon 8a.



9. Suara Mamak sebenarnya suara menyeru, suara mendayu, suara mengajak untuk memperoleh kesejahteraan itu. (b 19, h. 259.7)

Terdapat tiga kesalahan dalam ayat 9. Pertama dan kedua melibatkan penggunaan KKT tetapi tidak diikuti oleh objek. Kedua-dua KK itu adalah *menyeru* dan *mengajak*. Kedua-dua kata tersebut sepatutnya menerima objek yang berupa FN. Kesalahan ketiga pula melibatkan kesalahan penggunaan imbuhan. Kata *memperolehi* sebenarnya tidak wujud dalam bahasa Melayu.

Kata dasar *oleh* di atas sepatutnya menerima imbuhan *memper-* dan bukannya *memper...i*. Ayat 9 boleh dibetulkan menjadi ayat di bawah :


Suara Mamak sebenarnya suara menyeru manusia, suara mendayu, suara mengajak manusia untuk memperoleh kesejahteraan itu.

Ayat di atas sebenarnya dibina daripada gabungan tiga ayat tunggal. Ayat-ayat tunggal tersebut ialah:

- i) Suara Mamak sebenarnya suara menyeru manusia.
- ii) Suara Mamak sebenarnya suara mendayu.
- ii) Suara Mamak sebenarnya suara mengajak manusia untuk memperoleh kesejahteraan itu.

Ketiga-tiga ayat tunggal di atas kemudiannya mengalami proses transformasi yang melibatkan *penggabungan* ketiga-tiganya seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon 9a di bawah :

Rajah pohon 9a.



Dalam rajah pohon 9a di atas, terdapat beberapa proses transformasi yang berlaku. Pertama, ketiga-tiga ayat tunggal dalam ayat di atas, digabungkan dengan menggunakan tanda *koma*. Proses kedua berlaku *pengguguran frasa nama* subjek dalam ayat tunggal (ii) dan ayat tunggal (iii) kerana kedua-duanya mempunyai subjek yang sama dengan subjek ayat tunggal (i).

10. Kemesraan dan suasana kasih sayang benar-benar memperlihatkan wajah-wajahnya di wajah-wajah anak-anak dan ibu-ibu yang cantik. (b 10, h. 114.4)

Penyimpangan sintaksis berlaku dalam ayat 10 kerana terdapat beberapa kesalahan struktur dalam ayat tersebut. Frasa *di wajah-wajah* dalam ayat itu tidak betul penggunaannya. Menurut *Tatabahasa Dewan*, kata sendi nama *di* digunakan khusus *di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat*.⁵⁴ Dalam ayat ini, *di* digunakan untuk merujuk manusia (wajah). Oleh sebab itulah penggunaannya dalam ayat 10 tidak betul. Begitu juga dengan kata ganda *wajah-wajah anak-anak* dan ibu-ibu tidak harus digandakan lagi kerana sebelumnya telah ada frasa *memperlihatkan wajah-wajahnya* yang telah mendukung *maksud jamak*. Setelah dibetulkan, ayat 10 akan berubah menjadi ayat di bawah :

Kemesraan dan suasana kasih sayang benar-benar memperlihatkan wajah-wajahnya pada wajah anak dan ibu yang cantik.


Terdapat lima ayat tunggal yang menjadi konstituen binaan ayat di atas. Ayat-ayat itu ialah

- i) Kemesraan benar-benar memperlihatkan wajah-wajah anak.
- ii) Kemesraan benar-benar memperlihatkan wajah-wajah ibu.
- iii) Suasana kasih sayang benar-benar memperlihatkan wajah anak.
- iv) Suasana kasih sayang benar-benar memperlihatkan wajah ibu.
- v) Wajah itu cantik.

⁵⁴ Nik. Safiah Karim *et al.* *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 252.

Ayat (i) dan (ii) mempunyai subjek yang sama tetapi predikatnya berbeza dan ini akan menyebabkan berlakunya *proses pengguguran subjek* dalam ayat (i) seperti proses yang terdapat dalam rajah di bawah.

Rajah pohon 10a.



Ayat yang terhasil ini kemudiannya menjadi ayat induk dan ayat (v) pancangkan ke dalam ayat ini. Dalam proses ini berlaku *pengguguran subjek* pada ayat (ii) dan (iv) dan *pengguguran predikat frasa kerja* dalam ayat (iii) dan (v).

1. Mamak sudahpun buat rancangan menambah bilik-bilik tidur dengan lengkap bilik air dan tandas di dalam bilik itu. (b 10, h. 117.12)

Ayat 11 tidak gramatis. Terdapat beberapa kesalahan yang boleh dikesan, antaranya kesalahan penggunaan imbuhan bagi perkataan *buat* dan kesalahan *bentuk jamak* serta kesalahan susunan frasa *dengan lengkap bilik air dan tandas di dalam bilik itu*. KK *buat* dalam ayat di atas sepatutnya dimbuahkan dengan imbuhan KKT *mem-*. Dengan itu, *mem- + buat = membuat*. Kesalahan kedua, frasa *menambah bilik-bilik tidur* tidak perlu dijamakkan kerana KK *menambah* sudah mendukung maksud jamak. Oleh itu, kata *bilik-bilik* tidak perlu digandakan. Frasa yang betul ialah *menambah bilik tidur*. Kesalahan ketiga melibatkan kesalahan penyusunan frasa *dengan lengkap bilik air dan tandas di dalam bilik itu*. Susunan frasa itu boleh dibetulkan menjadi *yang lengkap dengan bilik air dan tandas di dalamnya*. Ayat di atas dapat dibetulkan menjadi ayat seperti yang berikut :


Mamak sudah pun membuat rancangan menambah bilik tidur yang lengkap dengan bilik air dan tandas di dalamnya.

Dalam ayat di atas, binaannya terdiri daripada *empat* ayat tunggal yang menjadi konstituen ayat ini. Ayat tunggal tersebut ialah

- i) Mamak sudah pun membuat rancangan.
- ii) Rancangan itu menambah bilik tidur.
- iii) Bilik tidur itu lengkap dengan bilik air.
- iv) Bilik tidur itu lengkap dengan tandas.

Keempat-empat ayat tunggal di atas digabungkan lalu membentuk ayat majmuk seperti dalam rajah pohon 11a yang berikut :

Rajah pohon 11a.



Dalam ayat di atas, berlaku proses pengguguran FN subjek dalam ayat (ii) disebabkan subjek ayat (ii) sama dengan subjek ayat pertama. Pengguguran ini digantikan oleh kata hubung, iaitu *dan*.

12.Oleh kerana Tok Guru selalu meminta kami berterus terang, aku berterus terang saja menulis kepada Mubarak kali itu. (b 10, h. 120.5)

Terdapat 2 bentuk kesalahan bahasa dalam ayat di atas. Pertama, frasa *Oleh kerana* tidak sesuai digunakan pada awal ayat. Sepatutnya frasa *Oleh sebab* lebih tepat digunakan. Kata *oleh kerana* digunakan untuk menghubungkan sebab musabab.

Kesalahan kedua ialah penggunaan KKT yang tidak diikuti oleh objek. KK *menulis* dalam ayat di atas diikuti dengan kata *kepada*. Kata *kepada* ialah kata sendi nama dan bukannya kata nama. Oleh itu, kata yang sesuai sepatutnya hadir selepas KKT *menulis* mestilah objek, misalnya *surat*. Ayat 12 ini boleh dibetulkan menjadi ayat seperti di bawah :


Oleh sebab Tok Guru selalu meminta kami berterus terang, aku berterus terang saja menulis surat kepada Mubarak kali itu.

Dalam ayat di atas, ayat majmuk ini terdiri daripada 2 ayat tunggal. Ayat tunggal tersebut ialah

- i. Tok Guru selalu meminta kami berterus terang.
- ii. Aku berterus terang saja.
- iii. Aku menulis surat kepada Mubarak kali ini.

Ayat-ayat tunggal di atas mengalami proses penggabungan seperti dalam rajah 12a di bawah :

Rajah pohon 12a.



Rajah pohon di atas, jelas menunjukkan bahawa ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) digabungkan untuk membentuk ayat majmuk gabungan dengan menggunakan tanda *koma*. Binaan ayat majmuk ini tidak berlaku sebarang proses pengguguran kerana kedua-dua subjek dan predikat ayat mengandung konstituen yang berbeza.

13.Malam itu adalah malam yang bererti bagiku kerana aku tidak rasa pelik mengucapkan kepada Mami tentang hasrat ingin berumah tangga. (b 10, h. 124.25)

Dalam ayat di atas, terdapat tiga bentuk kesalahan yang dikesan. Pertama mengenai penggunaan *kata pemer*i yang tidak betul. Kata pemer*i adalah* tidak

boleh digunakan apabila diikuti dengan frasa nama, iaitu malam. Sekiranya hendak digunakan juga, kata pemerai *ialah* boleh digunakan untuk menggantikan *adalah*.

Kata *rasa* dalam ayat di atas juga tidak sesuai digunakan. Kata *rasa* seharusnya diimbuh dengan imbuhan *ber-* kerana melibatkan *perasaan*. Seterusnya KKT *mengucapkan* tidak diikuti dengan objek yang berupa frasa nama. Objek yang boleh digunakan selepas KKT itu ialah *kata-kata*. Ayat di atas telah dibetulkan menjadi ayat yang berikut :

Malam itu ialah malam yang bererti bagiku kerana aku tidak berasa pelik mengucapkan kata-kata kepada Mami tentang hasrat ingin berumah tangga.


Dalam ayat di atas, ayat majmuk ini terbina daripada tiga komponen ayat tunggal. Ayat tunggal tersebut adalah seperti yang berikut :

- i. Malam itu ialah malam yang bererti bagiku.
- ii. Aku tidak berasa peli mengucapkan [sesuatu] kepada Mami.
- iii. Hasratku ingin berumah tangga.

Ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) digabungkan dengan menggunakan *kata hubung pancangan keterangan*, iaitu *kerana*. Ayat tunggal (i) merupakan *ayat induk* dan ayat (ii) ialah *ayat kecil* yang dipancarkan ke dalam ayat induk.

Proses pemancangan ini ditunjukkan dalam rajah pohon 13a seperti di bawah :

Rajah pohon 13a.



Dalam proses pembentukan ayat majmuk di atas, ayat tunggal (i) digabungkan dengan ayat tunggal (ii) untuk membentuk ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung pancangan keterangan *sebab-musabab*, iaitu *kerana*. Seterusnya, ayat tunggal (ii) digabungkan dengan ayat tunggal (iii) dengan menggunakan kata sendi *tentang*.

14. Aku tidak akan berganjak dari keputusan yang aku sudah ambil. (b 19, h. 232.9)

Ayat 14 tidak gramatis kerana terdapat dua kesalahan bahasa. Pertama, ayat di atas ialah ayat pasif yang menggunakan kata ganti diri orang pertama. Dalam ayat itu, frasa *aku sudah ambil* tidak tepat penggunaannya. Dalam hukum *aneksi*

persona, kata *ganti diri orang pertama* dan *kata kerja* tidak boleh dipisahkan. Jika dipisahkan ayat itu tidak gramatis. Oleh itu, frasa *aku sudah ambil* sepatutnya ditukar menjadi frasa *sudah aku ambil*. Kesalahan kedua, dalam ayat itu kata sendi nama *dari* digunakan di hadapan kata *keputusan*. Kata sendi nama *dari* hanya boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat dan waktu atau masa.⁵⁵ Oleh yang demikian, kata sendi nama *dari* hendaklah ditukar menjadi *daripada*. Ayat 14 di atas setelah dibetulkan akan menjadi ayat yang berikut :

Aku tidak akan berganjak daripada keputusan yang sudah aku ambil.


Ayat 14 terbina daripada gabungan dua ayat tunggal. Ayat tunggal itu ialah

- i) Aku tidak akan berganjak daripada keputusan itu.
- ii) Keputusan itu telah aku ambil.


Kedua-dua ayat tunggal di atas telah mengalami proses transformasi yang melibatkan *pengguguran* frasa nama subjek ayat tunggal (ii), iaitu *keputusan itu* kerana mempunyai keterangan yang sama dengan predikat ayat tunggal (i) yang dipancarkan dengan menggunakan kata hubung pancangan relatif *yang*, melalui proses *relativisasi*. Rajah pohon berikut menunjukkan proses transformasi tersebut.

⁵⁵ *Ibid.* Hlm. 255.

Rajah pohon 14a.



Rajah pohon 14b.




15. Biar menjadi lebih gila daripada Abang Mirasa. (b 19, h. 251.11)

Ayat 15 tidak gramatis. Terdapat 2 kesalahan yang dilakukan. Ayat di atas tidak mempunyai subjek menyebabkannya tergantung. Kedua, ayat di atas menggunakan *KKTT* berpelengkap, iaitu *menjadi*. Dengan itu *KK menjadi* sepatutnya diikuti oleh kata nama *gila* dan bukannya *kata penguat*. Setelah dibetulkan ayat di atas berbunyi

Biar aku menjadi gila lebih daripada Abang Mirasa.

Dalam ayat di atas, binaan ayat tunggal ini boleh ditunjukkan dalam rajah pohon 15a.

Rajah pohon 15a.



16.Kelak *bila* gilirannya tiba, Mami akan *angkat bungkus* tidur di dalam bilik lama. (b 10, h. 117.6)

Dalam ayat ini, terdapat dua kata yang tidak sesuai digunakan, iaitu *angkat* dan *bungkus*. Kata *angkat* tidak sesuai kerana kata *angkat* berfungsi sebagai KKT dalam ayat ini dan mesti diimbuhkan dengan imbuhan *meng-*. Dengan itu, *meng- + angkat = mengangkat*. Menurut hukum tatabahasa, KKT mesti menerima objek yang berupa KN. Dengan itu, kata *bungkus* sebagai KK yang hadir selepas kata *angkat* tidak tepat penggunaannya. Kata *bungkus* sepatutnya diberi imbuhan *-an* untuk menjadi KN. Dengan demikian, *bungkus + -an = bungkus-an*, iaitu KN. Frasa *dalam bilik lama* pula seharusnya diikuti oleh KSN *ke*

untuk menyatakan arah. *ke + dalam bilik = ke dalam bilik*. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :


Kelak apabila gilirannya tiba, Mami akan mengangkat bungkusan tidur ke dalam bilik lama.

Ayat di atas merupakan ayat transformasi yang dibina daripada 2 konstituen ayat tunggal, iaitu

- i. Mami mengangkat bungkusan tidur.
- ii. Gilirannya akan tiba kelak.

Kedua-dua ayat tunggal di atas kemudiannya digabungkan untuk membentuk ayat majmuk. Rajah pohon di bawah menunjukkan proses yang terlibat dalam pembentukan ayat 16.

Rajah pohon 16a.



Berpandukan rajah pohon di atas, berlaku *proses pendepanan seluruh* ayat tunggal (ii) ke hadapan subjek ayat tunggal (i). Kata hubung yang digunakan untuk menggabungkan ayat tunggal (i) dengan ayat tunggal (ii) ialah *koma*.

17. Kami menerima perubahan ini kerana Tok Guru pun sudah banyak kali memberi pesanan tentang bilik-bilik dalam rumah. (b 10, h. 117.19)

Terdapat tiga kesalahan bahasa dalam ayat 17. Pertama, kata *memberi* yang digunakan tidak sesuai. Kata *memberi* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan akhiran *-kan*. Dengan itu, *memberi* + *-kan* = *memberikan*. Kesalahan kedua melibatkan penggunaan kata jamak. Dalam ayat di atas frasa *sudah banyak kali*

memberikan pesanan tentang bilik-bilik. Dalam frasa ini, kata *bilik-bilik* tidak perlu digandakan atau diulang bagi menunjukkan banyak bilik kerana sebelum itu terdapat perkataan *banyak* digunakan. Frasa yang betul ialah *sudah banyak kali memberikan pesanan tentang bilik.* Kesalahan ketiga melibatkan pengabaian menggunakan kata sendi nama bagi frasa *tentang bilik dalam rumah.* Dalam frasa di atas, kata sendi nama *di* sepatutnya disisipkan sebelum kata *dalam.* Frasa yang betul ialah *tentang bilik di dalam rumah.*

Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Kami menerima perubahan ini kerana Tok Guru pun sudah banyak kali memberikan pesanan tentang bilik di dalam rumah.


Ayat di atas merupakan ayat majmuk yang terdiri daripada beberapa konstituen ayat tunggal. Ayat tunggal itu ialah

- i) Kami menerima perubahan ini.
- ii) Tok Guru pun sudah banyak kali memberikan pesanan.
- iii) Bilik itu di dalam rumah.

Ketiga-tiga ayat tunggal di atas kemudiannya digabungkan melalui beberapa proses transformasi. Pertama, ayat tunggal (i) dan ayat tunggal (ii) digabungkan

dengan menggunakan kata hubung pancangan keterangan *kerana*. Kedua, ayat tunggal (ii) dan ayat tunggal (iii) digabungkan dengan menggunakan kata sendi *tentang*. Rajah pohon di bawah menunjukkan proses transformasi yang terlibat dalam penghasilan ayat di atas.

Rajah pohon 17a.



18. Aku akan memberi jawapannya kelak bila ketika seumpama itu tiba. (b 10, h. 127.18)

Ayat di atas tidak gramatis kerana terdapat dua kesalahan. Pertama melibatkan penggunaan imbuhan; kedua melibatkan penggunaan kata *bila* sebagai kata penghubung klausa. Kata *memberi* yang digunakan dalam ayat di atas tidak betul imbuhan. Kata *memberi* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan akhiran *-kan* untuk berfungsi sebagai kata kerja transitif. Kata *memberikan* bermaksud *menyatakan sesuatu kepada orang lain seperti yang diperlukan atau dikehendaki*.⁵⁶ Kata *bila* pula sepatutnya digantikan dengan kata *apabila* kerana fungsinya dalam ayat di atas adalah sebagai kata penghubung klausa dan bukannya sebagai kata ganti nama tanya.

Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Aku akan memberikan jawapannya kelak apabila ketika seumpama itu tiba.

Ayat di atas terdiri daripada dua konstituen ayat tunggal, iaitu


- i) Aku akan memberikan jawapannya kelak. (ayat induk)
- ii) Ketika seumpama itu tiba (frasa keterangan)

Ayat di atas telah mengalami proses transformasi, iaitu proses memancangkan frasa keterangan ke dalam ayat induk dengan menggunakan

⁵⁶ Kamus Dewan. Hlm. 144.

kata penghubung klausa, iaitu *apabila*. Rajah pohon di bawah menunjukkan proses transformasi yang terlibat dalam penghasilan ayat 18.

Rajah pohon 18a.



19.Tapi kalau tak jadi pergi ke KOMTAR, aku boleh lari naik Bukit Bendera. (b 19, h. 229.16)

Ayat 19 tidak gramatis kerana mempunyai dua kesalahan bahasa. Pertama, kata *lari* dalam ayat ini tidak boleh digunakan tanpa disisipkan imbuhan. Kata *lari* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan kata kerja *ber-*. Dengan ini, *ber-* + *lari* = *berlari* yang bermaksud *bergerak dengan pantas sekali* (lebih cepat dari berjalan).⁵⁷ Kesalahan kedua ialah ketiadaan kata sendi *ke* pada frasa *naik Bukit Bendera*. Kata sendi *ke* sepatutnya disisipkan selepas kata kerja *naik*. Frasa yang betul ialah *naik ke Bukit Bendera*.

Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

⁵⁷ Ibid. Hlm. 769.


Tapi kalau tak jadi pergi ke KOMTAR, aku boleh berlari naik ke Bukit Bendera.

Ayat di atas merupakan ayat majmuk yang telah mengalami perubahan. Ayat ini terbina daripada tiga konstituen ayat tunggal, iaitu

- i) Aku boleh berlari.
- ii) Aku naik ke Bukit Bendera.
- iii) Aku tak jadi pergi ke KOMTAR.

Ketiga-tiga ayat tunggal di atas kemudiannya digabungkan menjadi ayat majmuk. Proses transformasi yang terlibat dalam ayat di atas ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah.

Rajah pohon 19a.



Dalam rajah pohon di atas, ayat tunggal (iii) dibawa ke hadapan subjek ayat tunggal (i) melalui *proses pendepanan*. Kata hubung yang digunakan ialah *koma*.

20. Aku akan fikirkan sesuatu nanti bila tibanya ketika. (b 19, h. 237.23)

Terdapat dua kesalahan bahasa dalam ayat di atas. Kesalahan pertama melibatkan penggunaan kata tanya *bila*. Menurut konteks ayat, kata yang sesuai digunakan ialah kata hubung *apabila*. Dalam ayat ini, kata *fikirkan* tidak tepat imbuhanannya. Kata kerja itu sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan apitan *me-...-kan*. Dengan itu, *me- + fikir + -kan = memikirkan*.

Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Aku akan memikirkan sesuatu nanti apabila tibanya ketika.


Ayat di atas ialah ayat majmuk yang terbina daripada dua konstituen ayat tunggal, iaitu

- i) Aku akan memikirkan sesuatu nanti. (ayat induk)
- ii) Apabila tibanya ketika. (frasa keterangan)

Berdasarkan ayat di atas, frasa keterangan *apabila tibanya ketika* dipancarkan ke dalam ayat (i) dengan menggunakan kata hubung pancangan *apabila*. Rajah

pohon di bawah menunjukkan proses transformasi yang terlibat untuk menghasilkan ayat 20.

Rajah pohon 20a.



21. Kini mamak terlalu amat suka kiasan itu dan aku sendiri merasai cantik dengan kiasan itu. (b 19, h. 237.27)

Ayat nombor 21 tidak gramatis kerana mempunyai tiga kesalahan bahasa. Pertama, terdapat penggunaan kata darjah penghabisan kata adjektif yang tidak tepat. Frasa *terlalu amat suka* tidak betul penggunaannya. Kata penguat *terlalu* perlu digugurkan. Frasa yang betul ialah *amat suka*. Kesalahan kedua melibatkan penggunaan imbuhan. Kata *merasai* dalam ayat di atas tidak tepat. Kata *merasai* bermaksud *mengecap makanan, minuman, menikmati*.⁵⁸ Kata yang sesuai ialah *berasa* yang bermaksud *mendapat rasa (yang dialami oleh barang, badan)*

⁵⁸ Kamus Dewan. Hlm. 1106.

mempunyai rasa, mengalami rasa di dalam hati. ⁵⁹ Penyimpangan seterusnya melibatkan pengabaian penggunaan kata bantu *akan* yang sepatutnya hadir selepas kata adjektif *suka*.

Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Kini mamak amat suka akan kiasan itu dan aku sendiri berasa cantik dengan kiasan itu.


Ayat di atas ialah ayat majmuk yang terbina daripada dua konstituen ayat tunggal, iaitu

- i) Mamak amat suka akan kiasan itu kini.
- ii) Aku sendiri berasa cantik dengan kiasan itu.

Kedua-dua ayat tunggal di atas telah mengalami proses transformasi, iaitu kedua-dua ayat tersebut digabungkan dengan menggunakan kata hubung gabungan *dan*. Selain itu, kata *kini* yang berada dalam konstituen dibawa ke hadapan subjek melalui proses *pendepanan sebahagian predikat*. Kedua-dua proses transformasi yang terlibat ditunjukkan dalam rajah pohon di bawah.

⁵⁹ *Ibid.* Hlm. 1105.

Rajah pohon 21a.



22. Dan Mami pun nampak berbangga bila dia diminta memberi nama tanah ladang yang terbaru itu. (b19, h. 240.2)

Ayat di atas tidak gramatis kerana terdapat kesalahan penggunaan kata tanya dan kesalahan imbuhan. Kata *bila* dalam ayat di atas tidak betul penggunaannya. Kata *bila* sepatutnya digantikan dengan kata hubung *apabila*. Kata kerja *memberi* tidak tepat imbuhanannya. Kata *memberi* perlu diimbuhkan dengan imbuhan apitan, iaitu *mem-...-kan*. Dengan itu *mem- + beri + -kan = memberikan*.

Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :


Dan Mami pun nampak berbangga apabila dia diminta memberikan nama tanah ladang yang terbaru itu.

Ayat di atas merupakan ayat majmuk yang terbina daripada tiga konstituen ayat tunggal. Ketiga-tiga ayat tunggal itu adalah seperti yang berikut :


- i) Mami juga nampak berbangga. (ayat tunggal i)
- ii) Dia diminta memberikan nama tanah ladang itu. (ayat induk)
- iii) Tanah ladang itu terbaru. (ayat kecil)

Ketiga-tiga ayat tunggal di atas kemudiannya telah digabungkan melalui proses transformasi tertentu. Pertama, ayat tunggal (i) digabungkan dengan ayat tunggal (ii) dengan menggunakan kata hubung pancangan *apabila*. Proses kedua melibatkan pemancangan ayat kecil ke dalam ayat induk melalui *proses relativisasi* dengan menggunakan kata relatif *yang*. Rajah pohon di bawah menunjukkan proses yang terlibat dalam pembentukan ayat tersebut.

Rajah pohon 22a.



Rajah pohon 22b.



23. Lagipun pahala berlipat gandalah bila sembahyang berjemaah. (b 19, h. 241.7)

Ayat ini tidak gramatis. Terdapat dua kesalahan bahasa yang dikesan. Pertama, kesalahan penggunaan kata tanya *bila*. Berdasarkan struktur ayat, kata tanya *bila* tidak sesuai digunakan. Kata itu seharusnya digantikan dengan kata hubung *apabila*. Kedua, kata *sembahyang* dalam ayat di atas salah penggunaannya. Kata *sembahyang* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan kata kerja tak transitif, iaitu *ber-*. Dengan ini *ber- + sembahyang = bersembahyang*.

Ayat 23 setelah dibetulkan menjadi ayat seperti yang berikut :


Lagipun pahala berlipat gandalah apabila bersembahyang berjemaah.

Ayat di atas ialah ayat transformasi yang terbina daripada dua konstituen ayat tunggal, iaitu

- i) Pahala itu berlipat ganda.
- ii) Seseorang itu bersembahyang berjemaah.

Kedua-dua ayat tunggal di atas kemudiannya digabungkan dengan menggunakan kata hubung *apabila*. Rajah pohon di bawah menunjukkan proses pembentukan ayat di atas.

Rajah pohon 23a.



24. Dan bila membuka kedua belah mataku, (b 19, h. 246.22)

Ayat di atas terdapat dua kesalahan bahasa. Pertama, kesalahan penggunaan kata tanya *bila*. Kata tanya *bila* tidak sesuai digunakan. Kata *bila* sepatutnya digantikan dengan kata hubung *apabila*. Kesalahan kedua melibatkan penggunaan kata bilangan. Kata *kedua* dalam ayat di atas yang berfungsi sebagai *kata bilangan* salah penggunaannya. Menurut konteks ayat, kata yang sesuai digunakan ialah *kedua-dua*.

Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :


Dan apabila membuka kedua-dua belah mataku,

Ayat di atas terbina daripada satu konstituen ayat tunggal, iaitu

- i) Aku membuka kedua-dua belah mataku.

Pembentukan ayat tunggal di atas boleh ditunjukkan dengan menggunakan rajah pohon di bawah:

Rajah pohon 24a.



25. Aku boleh makan bila aku suka makan, aku boleh sembahyang bila aku suka sembahyang, aku boleh keluar dari saf bila aku terasa hendak keluar. (b 19, h. 251.13)

Ayat di atas mempunyai dua kesalahan bahasa. Dalam ayat ini, kata tanya *bila* tidak tepat penggunaannya. Kata yang sesuai menggantikan kata *bila* ialah kata hubung *apabila* yang berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi keterangan

pada satu klausa utama.⁶⁰ Dengan ini, ketiga-tiga kata tanya dalam ayat di atas perlu ditukarkan dengan kata hubung pancangan keterangan *apabila*. Kesalahan kedua melibatkan penggunaan imbuhan. Dalam ayat di atas, kata *sembahyang* sepatutnya diimbuhkan dengan imbuhan kata kerja tak transitif *ber-*. Oleh itu, *ber- + sembahyang = bersembahyang*. Kedua-dua kata *sembahyang* dalam ayat di atas perlu diberi imbuhan *ber-*.

Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Aku boleh makan apabila aku suka makan, aku boleh bersembahyang apabila aku suka bersembahyang, aku boleh keluar dari saf apabila aku terasa hendak keluar.


Ayat di atas ialah ayat transformasi yang terbina daripada enam konstituen ayat tunggal. Ayat tunggal tersebut ialah

- i) Aku boleh makan.
- ii) Aku suka makan.
- iii) Aku boleh bersembahyang.
- iv) Aku suka bersembahyang.
- v) Aku boleh keluar dari saf.
- vi) Aku terasa hendak keluar.


⁶⁰ Nik Safiah Karim *et al.* *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 241.

Keenam-enam ayat tunggal di atas telah digabungkan dengan menggunakan kata hubung pancangan keterangan *apabila*. Rajah pohon di bawah menunjukkan proses pembentukan ayat tunggal tersebut.


Rajah pohon 25a.



Rajah pohon 25b.



Rajah pohon 25c.



Berpandukan rajah pohon di atas, keenam-enam ayat tunggal itu digabungkan untuk membentuk ayat majmuk pancangan keterangan dengan menggunakan kata hubung pancangan keterangan, iaitu *apabila*.

26. Beberapa buah kereta melintas laju di jalan raya dan bunyi hon-hon kereta itu tidak lagi menghiriskan hatiku. (b 19, h. 253.23)

Ayat nombor 26 tidak gramatis. Terdapat dua kesalahan bahasa yang dikesan. Pertama, penyimpangan penggunaan bentuk jamak. Dalam ayat di atas, kata bilangan *beberapa* telah digunakan untuk menunjukkan jamak. Oleh itu, frasa *bunyi hon-hon kereta* tidak perlu digandakan kata *hon* kerana kata bilangan sudah digunakan sebelumnya. Frasa yang betul ialah *bunyi hon kereta*.

Kesalahan kedua melibatkan penggunaan imbuhan. Kata *menghiriskan* tidak tepat penggunaan imbuhan. Kata *hiris* sepatutnya hanya diimbuhkan dengan imbuhan awalan *meng-* sahaja. Dengan itu, *meng-* + *hiris* = *menghiris* yang bermaksud *memotong nipis-nipis*.⁶¹

Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Beberapa buah kereta melintas laju di jalan raya dan bunyi hon kereta itu tidak lagi menghiris hatiku.


Ayat di atas ialah ayat majmuk yang terdiri daripada dua konstituen ayat tunggal, iaitu

- i) Beberapa buah kereta melintas laju di jalan raya.
- ii) Bunyi hon itu tidak lagi menghiris hatiku.

Kedua-dua ayat tunggal di atas, kemudiannya digabungkan lalu membentuk ayat majmuk gabungan dengan menggunakan kata hubung gabungan *dan*. Struktur dalaman ayat ini ditunjukkan dalam rajah pohon 26a di bawah.

⁶¹ *Kamus Dewan*. Hlm. 461.

Rajah pohon 26a.



3.12.3 AYAT YANG TIADA SUBJEK ATAU PREDIKAT

Dua unsur utama dalam ayat ialah subjek dan predikat. Dalam konteks ini, sekiranya suatu ayat itu tidak mempunyai salah satu daripada unsur-unsur di bawah ini dikelaskan ke dalam penyimpangan sintaksis, iaitu ayat yang tiada subjek dan atau predikat.

- i) — subjek + predikat (tiada subjek,ada predikat)

- ii) + subjek — predikat (ada subjek, tiada predikat)
- iii) — subjek — predikat (tiada subjek, tiada predikat)


1. Abang Mirasa *naik lagi tidur* hingga matahari terbit. (b 10, h. 94.7)

Dalam ayat 1, binaan atau struktur predikatnya tidak gramatis kerana binaannya tidak menepati hukum tatabahasa bahasa Melayu. Frasa *naik lagi tidur* tidak sesuai digunakan. Predikat ayat di atas dapat dibetulkan dengan cara menjadikan ayat di atas kepada dua konstituen ayat tunggal seperti yang berikut :

- i) Abang Mirasa naik ke atas.
- ii) Abang Mirasa tidur lagi hingga terbit matahari.

Kedua-dua ayat tunggal di atas digabungkan dengan menggunakan kata hubung gabungan lalu membentuk ayat majmuk gabungan. Melalui proses transformasi ini, subjek FN dalam ayat (ii) digugurkan kerana mempunyai persamaan dengan subjek FN ayat tunggal (i). Proses pengguguran ini digantikan dengan kata hubung gabungan. Rajah pohon bagi menerbitkan ayat di atas adalah seperti yang berikut :

Rajah pohon 1a.



2. Waktu bas-bas kilang dan penarik-penarik beca sibuk di Simpang Empat. (b 19, h. 228.18)

Ayat di atas merupakan ayat tergantung kerana tidak mempunyai *konstituen subjek*. Ayat yang tidak lengkap mestilah ada dua unsur utama, iaitu subjek dan predikat. Ayat di atas ialah sambungan daripada ayat sebelumnya. Binaan ayat itu sebenarnya ialah


Dan aku akan terjun dari tingkat enam puluh lima itu waktu orang ramai sedang membeli-belah dan waktu bas-bas kilang dan penarik-penarik beca sibuk di Simpang Empat.

Ayat di atas ialah ayat majmuk gabungan yang terdiri daripada tiga ayat tunggal yang menjadi konstituen ayat ini dan ayat-ayat tunggal tersebut ialah

- i) Aku akan terjun dari tingkat enam puluh lima itu waktu orang ramai sedang membeli-belah.
- ii) Aku akan terjun dari tingkat enam puluh lima itu waktu bas-bas kilang sibuk di Simpang Empat.
- iii) Aku akan terjun dari tingkat enam puluh lima waktu penarik-penarik beca sibuk di Simpang Empat.

Ketiga-tiga ayat tunggal ini kemudiannya digabungkan lalu membentuk ayat majmuk seperti dalam rajah pohon 2a.

Rajah pohon 2a.




Dalam binaan ayat ini berlaku *pengguguran FN subjek* dalam ayat kedua dan ketiga. Pengguguran juga berlaku pada FK dan FSN predikat dalam ayat kedua dan ketiga. Pengguguran subjek ini digantikan oleh *tanda koma* dalam ayat kedua dan kata hubung gabungan *dan* dalam ayat ketiga.

3. Bukan Mami. (b 19, h. 232.18)

Ayat di atas tidak gramatis kerana tidak mempunyai makna yang lengkap. Dalam ayat ini, predikatnya tidak ada. Predikat ayat di atas ada kaitan dengan ayat sebelumnya. Ayat yang betulnya ialah *Bukan Mami [puncanya]*. Ayat ini ialah ayat transformasi satu dasar yang telah mengalami proses *pendepanan kata nafi* *bukan*. Ayat asalnya ialah *Mami bukan [puncanya]*. Rajah pohon 3a menunjukkan proses transformasi yang berlaku.

Rajah pohon 3a.




4. Tak boleh berterus terang, terutama soal-soal dalam bilik tidur. (b 19, h. 235.13)

Ayat di atas ayat tergantung kerana tidak mempunyai *subjek*. Yang ada hanyalah predikat. Berdasarkan ayat sebelumnya, subjek yang sesuai ialah *Tok Guru mengatakan*. Ayat gramatisnya ialah

Tok Guru mengatakan tak boleh berterus terang, terutama dalam soal-soal dalam bilik tidur.

Ayat di atas ialah ayat tunggal yang terbina daripada satu konstituen subjek, satu konstituen predikat dan satu unsur keterangan. Ayat tunggal ialah *Tok Guru mengatakan, tak boleh berterus terang*. Unsur keterangan ialah *terutama dalam soal-soal dalam bilik tidur*.

Rajah pohon 4a adalah seperti yang berikut:




5. Terlalu berat. (b 19, h. 236.11)

Ayat di atas tidak gramatis kerana tidak mempunyai subjek. Subjek yang sesuai menurut konteks ayat ialah *Tuduhan itu*. Ayat gramatisnya ialah

Tuduhan itu terlalu berat.

Dalam ayat di atas, binaan ayat tunggal ini terdiri daripada satu konstituen subjek, iaitu *tuduhan itu* dan satu konstituan predikat *terlalu berat*. Rajah pohon 5a adalah seperti yang berikut :

Rajah pohon 5a.



6. Dan kemudian dibiarkan masuk bilik masing-masing. (b19, h. 244.2)


Ayat di atas merupakan *ayat tergantung* kerana tidak mempunyai subjek. Ayat ini hanyalah menjadi unsur predikat. Subjek ayat ini ialah *mereka*. Ayat ini juga mengandungi penyimpangan KSN. Frasa *masuk bilik masing-masing* sepatutnya

dimasukkan sendi nama *ke* yang berfungsi menyatakan arah. Setelah dibetulkan ayat di atas menjadi ayat yang berikut :

Dan mereka kemudian dibiarkan masuk ke bilik masing-masing.

Ayat 6 ialah ayat tunggal yang terbina daripada dua konstituen, iaitu konstituen subjek *Dan mereka*, manakala predikatnya ialah *kemudian dibiarkan masuk ke bilik masing-masing*. Rajah pohon 6a menunjukkan proses yang terlibat dalam menerbitkan ayat 6.

Rajah pohon 6a.



7. Ataupun terus saja pergi ke rumah Mamak Alipiche berjumpa dengan Mubarak dan mengajak Mubarak lari jauh-jauh. (b 19, h. 250.8)

Walaupun ayat di atas merupakan ayat yang panjang, ayat ini tidak gramatis kerana tidak mempunyai *subjek*. Subjek yang ditinggalkan dalam ayat di atas ialah *aku*. Oleh itu, ayat gramatisnya ialah


Ataupun aku terus saja pergi ke rumah Mamak Alipiche berjumpa dengan Mubarak dan mengajak Mubarak lari jauh-jauh.

Dalam ayat di atas binaan ayat majmuk gabungan ini terdiri daripada dua ayat tunggal yang menjadi konstituen ayat ini dan ayat tunggal itu ialah

- i) Aku terus saja pergi ke rumah Mamak Alipiche berjumpa dengan Mubarak.
- ii) Aku mengajak Mubarak lari jauh-jauh.

Kedua-dua ayat tunggal ini digabungkan lalu membentuk ayat majmuk gabungan seperti yang ditunjukkan dalam rajah pohon 7a.

Rajah pohon 7a.



Dalam rajah pohon di atas, berlaku pengguguran FN subjek dalam ayat kedua disebabkan subjek ayat kedua sama dengan subjek ayat pertama. Pengguguran ini digantikan oleh kata hubung *dan*.

3.12.4 AYAT YANG MENGANDUNG PENYIMPANGAN SINTAKSIS LAIN

Terdapat beberapa bentuk kesalahan atau penyimpangan, selain penyimpangan sintaksis yang dinyatakan terdahulu termasuk dalam penyimpangan ini. Daripada sampel yang dikaji dan dianalisis, kesalahan atau penyimpangan lain yang berhubung dengan kesalahan sintaksis adalah seperti yang berikut :

- i) Ayat yang tidak sesuai dengan gaya bahasa Melayu. (penggunaan sendi nama tanya *di mana*)
- ii) Penggunaan kata sendi nama *demi* dan *untuk* dalam satu ayat.
- iii) Struktur atau binaan ayat yang tidak sempurna.

Yang berikut merupakan analisis dapatan penyimpangan sintaksis melibatkan penyimpangan atau kesalahan sintaksis lain.

1. Apa salahnya kalau tubuh ini aku serahkan saja kepada Tok Guru demi untuk mencapai kebahagiaan penuh nikmat dan berkat itu. (b 19, h. 257.7)

Ayat 1 tidak gramatis kerana menggunakan dua kata sendi nama yang mempunyai makna yang sama dalam satu rentetan ayat. Sebagai kata sendi nama, perkataan *demi* bertugas membawa makna *tujuan* dan digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama. Oleh sebab perkataan *demi* sudah membawa maksud *tujuan*, maka perkataan *untuk* yang sering digunakan dalam bentuk *demi untuk* dianggap *lewah* dan seharusnya digugurkan.⁶² Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Apa salahnya kalau tubuh ini aku serahkan saja kepada Tok Guru demi mencapai kebahagiaan penuh nikmat dan berkat itu.


Konstituen ayat di atas sebenarnya terbina daripada dua ayat tunggal. Kedua-dua ayat tunggal tersebut adalah seperti yang berikut :

- i) Tubuh ini akan aku serahkan saja kepada Tok Guru demi mencapai kebahagiaan penuh nikmat.
- ii) Tubuh ini akan aku serahkan saja kepada Tok Guru demi mencapai kebahagiaan penuh berkat itu.
- iii) Frasa keterangan : apa salahnya kalau.

Kedua-dua ayat tunggal di atas telah mengalami proses transformasi tertentu sehingga menyebabkan berlakunya perubahan sehingga menerbitkan ayat majmuk. Rajah pohon 1a menunjukkan proses tersebut.

⁶² *Ibid.* Hlm. 263.

Rajah pohon 1a.



2. Aku dapat bayangkan satu ketika di mana rumah kami akan mempunyai banyak bilik dan jumlah ahli dalam keluarga kami akan berlipat ganda jumlahnya. (b 10, h. 96.20)

Dalam ayat 2 pula, binaan dan strukturnya tidak gramatis kerana menggunakan *frasa sendi nama tanya*, iaitu *di mana* dalam ayat majmuk di atas.⁶³

⁶³ Lihat. Nik Safiah Karim *et al.* *Tatabahasa Dewan*. Hlm. 427.

Begitu juga dalam bahasa Inggeris, frasa *di mana* atau *where* berfungsi sebagai kata ganti penghubung. ⁶⁴ Menurut *Kamus Dewan*, *di mana* membawa maksud "perkataan yang digunakan untuk menanyakan tempat". ⁶⁵

Sebenarnya *frasa sendi nama tanya* hanya digunakan untuk menerbitkan *ayat tanya*. Dengan itu, kata *di mana* boleh digantikan dengan perkataan lain yang lebih sesuai menurut konteks ayat, iaitu *apabila*. Ayat yang betul adalah seperti yang berikut :

Aku dapat bayangkan satu ketika apabila rumah kami akan mempunyai banyak bilik dan jumlah ahli dalam keluarga kami akan berlipat ganda jumlahnya.

Untuk melihat proses transformasi yang terlibat dalam menerbitkan ayat 2, terlebih dahulu ayat itu dipecahkan kepada bentuk-bentuk ayat tunggal. Ayat tunggal tersebut adalah seperti yang berikut :


- i) Aku dapat bayangkan [sesuatu].
- ii) Rumah kami akan mempunyai banyak bilik
- iii) Jumlah ahli keluarga kami akan berlipat ganda jumlahnya.

Ketiga-tiga ayat tunggal di atas, kemudiannya digabungkan dengan cara tertentu untuk menerbitkan ayat transformasi. Dua kata hubung telah digunakan untuk

⁶⁴ S. Nathesan. 1995. *Beberapa Persoalan Penggunaan Bahasa Melayu dan Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 1.

menggabungkan ayat tunggal tersebut, iaitu *apabila* dan *dalam*. Lihat rajah pohon 2a di bawah untuk melihat struktur dalaman dan struktur permukaan yang berlaku dalam ayat 2 di atas.

Rajah pohon 2a.



3. Banyak kali yang terjadi di mana apa yang aku lihat itu berlainan dengan apa yang aku fikirkan, apa yang aku mimpikan itu jauh lebih berlainan dengan apa yang sebenar terjadi. (b 10, h. 121.30)

⁶⁵ Kamus Dewan. Hlm. 853.

Dalam ayat tiga, penyimpangan sintaksis berlaku kerana di dalam ayat ini terdapat penggunaan frasa sendi nama tanya, iaitu frasa *di mana* tetapi ayat ini tidak pula menerbitkan ayat tanya. Kesalahan penggunaan *di mana* sering dikaitkan dengan pengaruh daripada bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris. Menurut konteks ayat, frasa *di mana* boleh digugurkan saja tanpa menjejaskan struktur ayat ataupun boleh digantikan dengan perkataan lain yang difikirkan sesuai, seperti kata *apabila* dan sebagainya. Ayat yang telah dibetulkan adalah seperti yang berikut :

Banyak kali yang terjadi apabila apa-apa yang aku lihat itu berlainan dengan apa-apa yang aku fikirkan, apa-apa yang aku mimpikan itu jauh lebih berlainan dengan apa-apa yang sebenar terjadi.

4. Kalau jemaah pun aku tidak aman kerana yang menjadi imam ialah Mamak.
(b 19, h. 227.19)

Penyimpangan sintaksis berlaku dalam ayat empat kerana strukturnya yang tidak sempurna sehingga menyebabkan semantiknya kabur. Penggunaan kata *jemaah* dalam ayat ini juga tidak betul kerana dalam ayat ini kata *jemaah* bukanlah berfungsi sebagai KN tetapi sebaliknya berfungsi sebagai KK. Oleh itu, kata *jemaah* mestilah diimbuhkan dengan imbuhan KK, iaitu *ber-*. Kalau dihalusi ayat ini, apabila kita membacanya terasa semacam satu kejanggalan yang

menggambarkan ketidaktepatan unsur atau konstituen yang membina ayat tersebut. Kemungkinan ayat ini boleh dibaiki menjadi ayat yang berikut :


Kalau berjemaah pun aku tidak berasa aman kerana yang menjadi imam ialah Mamak.

Dalam ayat di atas, binaannya terdiri daripada dua ayat tunggal yang menjadi konstituennya. Kedua-dua ayat tunggal tersebut ialah

- i) Aku tidak berasa aman. Frasa keterangan : kalau berjemaah pun.
- ii) Yang menjadi imam ialah Mamak.

Ayat tunggal di atas telah mengalami proses penggabungan seperti dalam rajah pohon 4a di bawah :

Rajah pohon 4a.



Dalam ayat di atas, ayat (i) merupakan ayat induk dan ayat (ii) ialah ayat kecil yang dipancarkan ke dalam ayat induk. Dalam ayat (i), frasa keterangan : *kalau berjemaah pun* telah disongsangkan dan dibawa ke hadapan subjek. Dengan itu, wujudlah ayat 4a.

3.13 RUMUSAN

Berpandukan pola atau jenis penyimpangan bahasa yang telah dibincangkan di atas, ternyata bahawa sememangnya wujud penyimpangan bahasa dalam *Tok Guru*. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 1, penyimpangan bahasa ini mungkin ada kaitannya dengan sudut pandangan pengarang.

Dalam *Tok Guru*, Shahnnon Ahmad menggunakan sudut pandangan orang pertama. Beliau telah menggunakan dan memasukkan watak aku dalam novel tersebut. Shahnnon telah menerapkan sudut pandangan orang pertama berubah-ubah daripada satu watak kepada satu watak yang lain agar boleh mengungkapkan ceritanya dengan lebih objektif. Kenyataan ini ternyata berkesan apabila Shahnnon berjaya meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca tentang konflik yang dialami oleh watak utama, seperti Cumbi, Mamak, Tok Guru, Mami, Mumdas, dan Mirasa. Shahnnon menggunakan sudut pandangan orang pertama berubah-ubah pada Cumbi, iaitu pada bab 1, 5, 8, dan 10.

Mamak pada bab 2, 9, 13, 15, 17, dan 21. Bab 3, 6, 12, dan 16 diberikan kepada Mami. Mirasa bab 7 dan 20, manakala Tok Guru pada bab 22.

Dalam *Tok Guru*, teknik aliran kesedaran lebih banyak disalurkan melalui monolog dalaman, imbas muka dan imbas kembali, serta dialog. Monolog dalaman yang dialami oleh Cumbi dalam *Tok Guru* amat berfungsi. Teknik ini amat berkesan untuk menimbulkan pemikiran Cumbi terhadap Mubarak dan Tok Guru. Misalnya tekanan jiwa yang dirasakan oleh Cumbi apabila dipaksa berkahwin dengan Tok Guru, dilukiskan melalui teknik aliran kesedaran seperti contoh yang berikut :

Kalau. Kalau. Kalau. Kalau. Ah! Kalau Mamak terus terus berkeras dan Mami pun terus ikut Mamak, aku akan lari juga pada satu malam. Tapi. Tapi. Tapi. Tapi dalam soal ini sudah tidak ada tapi-tapi lagi. Ya! Aku akan lari terus naik jambatan Pulau Pinang. Pada waktu malam sudah tidak ada orang banyak lagi. Aku akan berjalan dan berlari hingga sampai pada pertengahan jambatan. Aku akan panjat tiangnya yang paling tinggi. Dan aku akan terjun ke dalam laut. Biar kepalaku hancur bila terhempas di permukaan air. Kalau nasib aku baik, ada jerung waktu itu. Dan jerung akan menelan aku. Aku akan masuk mulut jerung. Biar Mamak dan Mami semua menangis tak selesai-selesai.⁶⁶

⁶⁶ Shahnnon Ahmad. 1988. *Tok Guru*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti. Hlm. 227.

Perhubungan dan pertalian antara sudut pandangan dengan penggunaan bahasa oleh pengarang amat penting kerana sudut pandangan dapat menggambarkan keseluruhan pembinaan novel, iaitu keseluruhan aspek intrinsik novel sudah disatukan. Penggunaan bahasa oleh watak-watak dalam *TG* bersesuaian dengan taraf pendidikan mereka. Taraf pendidikan yang rendah yang digambarkan oleh hampir kesemua watak tersebut memperlihatkan penggunaan bahasa yang sering menyalahi atau menyimpang daripada peraturan. Penggunaan bahasa yang menyimpang ditambah lagi dengan penggunaan sudut pandangan orang pertama, khususnya melalui penggunaan teknik aliran kesedaran menyerlahkan penyimpangan bahasa yang berlaku dalam *TG*. Penyimpangan bahasa kerap berlaku kerana watak akan mengeksploitasi bahasa sewenang-wenangnya tanpa perlu berhati-hati terhadap penggunaan bahasa.